



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
ISSN : 2735-1920

# IQRA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK




libraryuitm



libraryuitm



uitmlibrary



library.uitm.edu.my



**Penyerahan Sumbangan Buku Daripada Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) Kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM**

M/S 3

**Live@PTAR Bicara Tokoh: Wacana Dasar Ekonomi Baru Bersama Panel Jemputan, Ybhg. Dr Rais Saniman (Penggubal Dasar Ekonomi Baru)**

M/S 12

LIVE



**Lawatan Ketua Pustakawan Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor**

M/S 18

**Program 10 Ribu Langkah Read@UiTM Merdeka Bersama Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka**

M/S 23

**Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM-Cawangan Perak Ke PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar**

M/S 43

SEPTEMBER 16TH

# MALAYSIA DAY

ISSN 2735-1920



1722135312008



# SIDANG REDAKSI IQRA'

## **PENASIHAT**

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

## **KETUA EDITOR**

En. Jamalludin bin Sulaiman

## **EDITOR**

En. Mohd Ismail bin Abidin

## **PENOLONG EDITOR**

Cik Nor Sabariah binti Mansor

## **PENYELARAS**

Pn. Adlina binti Abdullah

## **REKABENTUK / GRAFIK**

En. Mohd Azry bin Zakaria, Cik Noor Azureen binti Abd. Aziz

## **WARTAWAN / WAKIL CAWANGAN**

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Puan Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis.
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman.
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim.
Sabah	: Cik Marlia Yuming.
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah.
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad.
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

## **PENERBIT**

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
Universiti Teknologi MARA,  
40450, Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

## **KEKERAPAN KELUARAN**

12 Keluaran Setiap Tahun  
ISSN NO : 2735-1920

# Kata Alu-Aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Bulletin IQRA bagi keluaran bulan **September 2020**. e-Bulletin IQRA ini diterbitkan bagi perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UITM di seluruh negara setiap bulan.

Peranan setiap warga kerja Perpustakaan UITM adalah amat penting bagi menggerakkan pelbagai inisiatif yang diwujudkan terutama dalam fasa pembelajaran dan pengajaran secara *Open and Distance Learning (ODL)* ketika ini. Sehubungan dengan itu, pelbagai program dirangka agar maklumat mengenai perkhidmatan perpustakaan ini sampai kepada golongan sasaran. Program *Liaison Officer Day* Siri 1 dan 2 bertujuan untuk mengukuhkan lagi jaringan komunikasi antara fakulti dan perpustakaan dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan perpustakaan digital.

Usaha warga kerja PTAR terus dihargai dengan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) 2019. Semoga penganugerahan ini akan terus menaikkan semangat warga kerja dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat, khususnya kepada pengguna perpustakaan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor e-Bulletin IQRA.

Terima Kasih

Wassalam.

**Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,  
Ketua Pustakawan**



Ts. NOOR HIDAYAT BIN ADNAN  
KETUA PUSTAKAWAN UITM

# PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU DARIPADA YAYASAN PEMBANGUNAN PONDOK MALAYSIA (YPPM) KEPADA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



fb



ig




tw



yt

fb ig tw yt



Ybhg Dato' Dr Mashitah Ibrahim dan Ybhg. Datuk Abdul Shakor Abu Bakar telah berkunjung ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bagi menyampaikan sumbangan buku dari Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) sebagai sumber rujukan di perpustakaan pada 8 September 2020. Simbolik penyerahan sumbangan buku telah diberikan kepada Ts Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan Perpustakaan UITM disaksikan oleh ketua- ketua jabatan PTAR.



Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Liaison Officer Day Siri 1 yang telah diadakan pada 18 September 2020 (Jumaat), dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Auditorium, PTAR Undang-Undang dan Pusat IT, PTAR Utama. Seramai 25 orang peserta yang terdiri dari Pegawai Perhubungan Perpustakaan PTAR telah menghadiri program ini.

Objektif program ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan pengenalan Pegawai Perhubungan Perpustakaan, memberi pendedahan peranan dan tanggungjawab Pegawai Perhubungan Perpustakaan, memberi penekanan tentang perkhidmatan digital dan kemudahan perpustakaan dan membuat penyediaan kandungan promosi mengikut fakulti.





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) pada 14 dan 15 September 2020. Seramai 24 orang peserta terdiri daripada barisan Pengurusan dan Profesional telah menyertai bengkel ini, yang turut dihadiri oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah selaku penceramah jemputan.

Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memantapkan dokumentasi Perpustakaan UITM serta meminda Sistem Pengurusan Kualiti UITM ke arah pemantapan hala tuju Perpustakaan UITM bagi Misi, Dasar, Objektif Perpustakaan, Objektif Kualiti dan Model Proses Utama SPK ISO 9001: 2015. Adalah diharapkan dengan penganjuran bengkel ini dapat memberi pendedahan kepada semua peserta yang terlibat, secara tidak langsung meningkatkan kualiti pendokumentasian Perpustakaan UITM.

# PROGRAM LIAISON OFFICER DAY SIRI 2 22 SEPTEMBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Nor Sabariah binti Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR), UITM Shah Alam telah menganjurkan Program Liaison Officer Day Siri 2 pada 22 September 2020 bertempat di Dewan al Ghazali, Aras 2, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UITM.

Program ini telah dihadiri oleh Liaison Officer yang dilantik di peringkat fakulti bagi melancarkan proses penyampaian maklumat perpustakaan. Antara intipati program adalah memberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab Liaison Officer yang disampaikan oleh Puan Adlina Binti Abdullah, Pustakawan Kanan, penerangan mengenai Personalised Services oleh En. Mohd Ismail bin Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan serta perkongsian mengenai fungsi Jabatan Arkib Universiti UITM oleh En. Abdul Razak Abdul Rahman Pustakawan Kanan.

Di samping itu, perkhidmatan sokongan penyelidikan juga menjadi salah satu intipati penting yang turut disampaikan oleh En. Mohd Hazrul Mohd Hussin, Pustakawan Kanan, dan penerangan berkaitan perkhidmatan digital perpustakaan disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan.

Terdapat beberapa cadangan dan maklumbalas yang diterima antaranya cadangan penghantaran artikel yang disediakan oleh pelajar ke Jurnal PTAR, penggunaan kad pelajar secara maya, penggunaan Whats sender, promosi perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada staf pentadbiran serta perkara berkaitan perkhidmatan Updates@PTAR.

Turut berlangsung pameran Book2U, sesi penerangan Augmented Reality, pameran Arkib Universiti serta kempen Derma Koleksi. Semoga penganjuran program ini dapat memberi manfaat kepada peserta sekaligus mempromosikan perkhidmatan perpustakaan di peringkat fakulti.

Tahniah & Syabas kepada semua Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) 2019

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Ts. Mohamad Hamidi Mohd Jais**  
Ketua Timbalan Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Puan Adlina Abdullah**  
Pustakawan Rakan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Cik Nordinana Tukijo**  
Pustakawan Rakan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Puan Zuraidah Hassan**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Encik Fariz Azuan Harun**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Encik Muhammad Saadruddin Salehudin**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Encik Zawawi Hussain**  
Pembantu Pembinaan Rakas

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Encik Mohd Aizat Farhan Soyfal Anuar**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Encik Faizul Bin Kamaruddin**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



11 SEPT 2020

**Puan Nur Lion Abd Halid**  
Pembantu Pustakawan

#Libraryofaz #kitaLITM #UTTMdihatiaku

fb ibrayute ig ibrayute tw ibrayute



# LATIHAN SANGKUT STAF UNIT ARKIB CAWANGAN UITM PERLIS DI JABATAN ARKIB UNIVERSITI, UITM SHAH ALAM 1 - 3 SEPTEMBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

BERITA UTAMA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



Pada 1 hingga 3 September 2020, tiga orang staf UAC Perlis iaitu Cik Nor Azrina Kasim, Pustakawan, Puan Hamizah Sakri, Pembantu Pemuliharaan dan Puan Nur Jazillah Mohamad, Pembantu Tadbir telah menjalani Latihan Sangkut selama tiga hari di Jabatan Arkib Universiti, UITM Shah Alam.

Sepanjang latihan sangkut ini, staf UAC Perlis telah didedahkan berkaitan hal ehwal pengurusan Jabatan Arkib Universiti khususnya berkaitan Pelupusan rekod, Pelantikan Pengurus Rekod, Pemuliharaan bahan dan lain-lain yang berkaitan. Selain itu, mereka juga telah dibawa ke Galeri Tun Abdul Razak bagi mendapatkan pendedahan berhubung pengurusan Galeri.

# LAWATAN RUJUKAN DARIPADA FAKULTI SENIBINA DAN UKUR UITM SHAH ALAM DAN PERAK MENGENAI PENDIGITALAN BAHAN 8 SEPTEMBER 2020

إقرأ

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



Pada 8 September 2020, JAU menerima kunjungan dua orang pelawat dari Fakulti Senibina dan Ukur (FSSR) UITM Shah Alam dan Perak yang ingin mendapatkan maklumat mengenai pendigitalan bahan di Jabatan Arkib Universiti. Maklumat yang diperolehi daripada JAU membantu mereka dalam membangunkan Sistem Pendigitalan yang berkaitan Pemetaan.

## LAWATAN KERJA UNIT ARKIB CAWANGAN UITM JOHOR KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI 9 SEPTEMBER 2020



Pada 9 September 2020, JAU menerima kunjungan empat orang pelawat dari UITM Cawangan Johor iaitu Puan Nor Asiha binti Allas, Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Shaiful Anuar bin Sabu, Penolong Pendaftar Kanan, Puan Siti Rozana bin Mat Sanat, Pustakawan Kanan dan Puan Azmawati binti Azizan, Pegawai Eksekutif Kanan.

Lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat berhubung Pengurusan Jabatan Arkib Universiti dan penaiktarafan Bangunan Arkib UITM. Selain itu, mereka juga telah dibawa untuk meninjau persekitaran JAU dan melihat perkhidmatan yang disediakan.

# PERKHIDMATAN JABATAN ARKIB UNIVERSITI DAN GALERI TUN ABDUL RAZAK DI PROGRAM LIAISON OFFICER DAY SIRI 2 22 SEPTEMBER 2020

إقرأ

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



fb



ig



tw



yt

fb ig tw yt



Pada 22 September 2020, Enclik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan dan Puan Roszainatul Haizan Rusili, Kurator Kanan dari Jabatan Arkib Universiti telah dijemput untuk memberi penerangan berhubung Perkhidmatan Jabatan Arkib Universiti dan Galeri Tun Abdul Razak. Bengkel ini telah dihadiri oleh pelbagai wakil PTJ. Sementara itu, pameran koleksi JAU juga diadakan dalam usaha mempromosikan perkhidmatan JAU kepada warga UTM.

# BENGGEL PENGURUSAN REKOD DAN FAIL DI UITM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH 22 - 25 SEPTEMBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Shah Alam



fb



ig



twitter



yt



Pada 22 hingga 25 September 2020, Puan Azniza binti Mohamad Nor dan Cik Wan Nur Khalidah binti Wahed dari Jabatan Arkib Universiti, UiTM Shah Alam telah mengadakan Bengkel Pengurusan Rekod dan Fail di UiTM Cawangan Sarawak kampus Mukah. Bengkel ini melibatkan kehadiran 40 orang yang terdiri dari pelbagai PTJ di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Selain dari mengadakan kursus Pengurusan Rekod dan Fail, Audit Pengurusan Rekod juga dijalankan ke atas beberapa PTJ yang telah ditetapkan.



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam dengan kerjasama Kursi Institusi Raja-Raja Melayu telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Bicara Tokoh: Wacana Dasar Ekonomi Baru". Program ini telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr Ismarani Ismail, Felo Kursi Institusi Raja-Raja Melayu selaku moderator dan panel jemputan, YBhg. Dr Rals Saniman (Penggubal Dasar Ekonomi Baru).

Antara perkara yang dikupas ialah tujuan Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, kepentingannya dalam masyarakat & negara dan sebagainya. YBhg. Dr Rals Saniman juga berkongsi mengenai buku yang digunakan sebagai rujukan berkaitan DEB yang bertajuk 'Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu'. Tambahnya, bagi menghadapi cabaran dalam peningkatan arus permodenan, masyarakat seharusnya bijak mencipta dan mencari peluang pekerjaan khususnya kepada generasi muda.

Untuk melihat semula program, boleh layari:

Link Facebook: <https://www.facebook.com/libraryuitm/videos/974742122992661/>

Link Youtube: <https://www.youtube.com/watch?v=hAprjbFml6A>


**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
 Perpustakaan Tun Abdul Razak

# LIVE @ PTAR BACA, TULIS & VIRAL

23 September 2020 |  
 10:00 PAGI - 11:00 PAGI

  
 Youtube Perpustakaan UITM  
 FB Rasmi UITM Library


**"LibraryForAll"**

\*Jam Latihan akan diberikan kepada warga UITM

PANEL JEMPUTAN  
**DR. FATIMAH SALIM**  
PENSYARAH KANAN UITM



MODERATOR  
**PUAN EZA ELIANA  
ABDUL WAHID**  
PUSTAKAWAN KANAN UITM





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam telah menganjurkan sebuah program bual bicara secara langsung bertajuk "Baca, Tulis dan Viral". Program ini telah dikendalikan oleh Puan Eza Eliana Abdul Wahid selaku moderator dan panel jemputan Dr Fatimah Salim, Pensyarah Kanan UITM.

Antara perkara menarik yang dikongsi dalam program ini adalah kesan-kesan terhadap maklumat yang tular di media sosial dan kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Di samping itu, panel jemputan juga turut berbesar hati berkongsi pengalaman dalam membuat penulisan secara tidak langsung menyalurkan maklumat yang tepat kepada masyarakat.

Untuk melihat semula program, boleh layari:

Link Facebook: <https://www.facebook.com/libraryuitm/videos/810370996171599/>

Link Youtube: <https://www.youtube.com/watch?v=nRIW496pFHC>

## UiTM DIGITAL LIBRARY

### MY KNOWLEDGE MANAGEMENT

Find your resources according to your subject or field of specialization in MyKM

SCIENCE & TECHNOLOGY	SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES
1. Mechanical Engineering 2. Petroleum Engineering 3. Chemical Engineering 4. Civil Engineering 5. Electrical 6. Mechanical 7. Chemical 8. Metallurgical Engineering 9. Petroleum Engineering 10. Food Science 11. Biotechnology 12. Agricultural Engineering 13. Textile Engineering 14. Environmental Science	1. Law 2. Islamic 3. Education 4. Art & Design 5. Early Childhood Education 6. Faculty of Language Studies 7. Communication & Media Studies 8. Administration Science & Public Studies 9. Education in Contemporary World Studies
	BUSINESS & MANAGEMENT
	1. Accounting 2. Business Management 3. Human Resource Management 4. Finance Management 5. Marketing Management 6. Project Management 7. Business Law 8. Business Ethics 9. Business Statistics 10. Business Information Systems 11. Business Process Management 12. Business Strategy 13. Business Development 14. Business Innovation 15. Business Analytics 16. Business Intelligence 17. Business Process Automation 18. Business Process Improvement 19. Business Process Re-engineering 20. Business Process Innovation

For further inquiries, please contact via

03 8843 8843 | 03 8827271  
ask@tdr.perpustakaan.tuam.edu.my

Chat With Librarian  
https://perpustakaan.tuam.edu.my/active

**STAY CONNECTED**  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

### How to access My Knowledge Management

Use MyKM  
<https://mykm.library.tuam.edu.my>

Login MyKM  
username: staff/student ID  
password: IC No (03-886 781930)

### Features of My Knowledge Management

- 1 My Information Resources
- 2 Knowledge Sharing
- 3 Knowledge Update
- 4 My Courseware

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

MOBILE APP@PTAR

## UiTM DIGITAL LIBRARY

### MOBILE APP@PTAR

Version 2.2.1

- Library Guide
- Library What's On
- Find Collection
- Opening Hours
- Find Services
- MyAccount
- QR Code
- Lib. Publication
- live@PTAR
- liblibrary
- Fact Sheet
- LibPro 2020

For further inquiries, please contact via

03 8843 8843 | 03 8827271  
ask@tdr.perpustakaan.tuam.edu.my

Chat With Librarian  
https://perpustakaan.tuam.edu.my/active

**STAY CONNECTED**  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

### How to Install Mobile App@PTAR App Store

- 1 Search for Mobile App@PTAR in the App Store
- 2 Tap 'Get' to download the app
- 3 Tap 'GET' to download
- 4 Once downloaded, it's ready to use

### How to Install Mobile App@PTAR Google Play

- 1 Search for Mobile App@PTAR in the Google Play Store
- 2 Tap 'Get' to download the app
- 3 Tap 'Install' to download
- 4 Once downloaded, it's ready to use

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Kampus Dengkil telah menjalankan Program Read@UITM yang merangkumi aktiviti 'My Favourite Read' dan Pertandingan Video Deklamasi Sajak. Aktiviti 'My Favourite Read' telah dijalankan pada 3 - 4 September 2020. Sesi pertama aktiviti ini dijalankan pada 3 September 2020 jam 12.30 tengah hari sehingga jam 2.00 petang. Manakala sesi kedua pula dijalankan pada 4 September 2020 jam 3.00 hingga 4.30 petang. Seramai 12 peserta terdiri daripada pelajar asasi Sains UITM Kampus Dengkil yang bersama-sama menyertai aktiviti ini. Aktiviti 'My Favourite Read' ini merupakan perkongsian ilmu iaitu ulasan dan pendapat peserta mengenai buku yang digemari melalui peminjaman buku yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Kampus Dengkil. Berikut ialah senarai nama peserta dan judul buku yang dipilih:

1. Nur Amira Shakinah (2020845936) - *Sherlock Holmes: The Complete Novels & Stories I*
2. Aisyah Syazwani (2020452022) - *Stres, Punca, Teori dan Pengurusan Efektif*
3. Sarah Sofiyah (2020815616) - *A Perfect Life*
4. Norsara Adrina (2020876896) - *The Girl on the Train*
5. Rabiiah (2020458474) - *The Fault in Our Stars*
6. Nur Faatihah (2020468996) - *The Fault in Our Stars*
7. Nur Adriana Natasha (2020496708) - *Shah Jahan Pembina Taj Mahal*
8. Aida Najwa (2020611106) - *Imam Bukhari*
9. Aishah Umairah (2020600844) - *Berfikir Gaya Al-Fateh*
10. Nur Alia (2020877984) - *Sultan Muhammad Al-Fateh*
11. Nur Adriana Azfar (2020870614) - *The Fire Sermon*
12. Muhammad Afiq (2020809292) - *General Chemistry, 11th Edition*

Pertandingan Video Deklamasi Sajak pula telah dijalankan pada 27 Ogos - 4 September 2020. Peserta dikehendaki mencipta sajak sendiri mengikut kreativiti peserta yang bertemakan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia dan deklamasi sajak peserta ini perlu direkod video dan dihantar kepada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Kampus Dengkil melalui emel. Pertandingan ini telah disertai seramai 18 orang pelajar UITM Kampus Dengkil. Berikut ialah pemenang Pertandingan Video Deklamasi Sajak:

1. Tempat Pertama - Iskandar Zulkarnain (2020600702)
2. Tempat Kedua - Siti Aisyah (2020873584)
3. Tempat Ketiga - Anastasia Julitta (2020617004)





1 September 2020 (Selasa) –Seiiring dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), peranan perpustakaan dalam menyokong proses pembelajaran dan pengajaran adalah amat penting dalam mencakupi segala aspek teknologi yang bukan sahaja memberi cabaran baru kepada semua sektor di negara ini malah perlu melakukan perubahan sejajar dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing. MAKERLAB UITM Cawangan Selangor telah menganjurkan program ini dengan objektif untuk memberi pendedahan dan kesedaran mengenai teknologi berkaitan IR4.0. Program Makerlab UCS Open Day ini adalah satu strategi dalam mempromosikan peranan makerlab sebagai satu tempat penghasilan produk yang kreatif dan inovatif. Inisiatif penganjuran program ini diharapkan dapat meningkatkan visibiliti UITM kepada pihak luar disamping dapat dijadikan sebagai galakan lawatan penandaan dari pihak luar serta menarik minat kerjasama strategik Industri ke kampus UITM Cawangan Selangor.

Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Hajjah Azlinah Hj Mohamed, Penasihat Digital Kampus UITM Cawangan Selangor dan barisan tetamu jempuan – Ahli Pengurusan Eksekutif kampus serta pihak MDEC iaitu Encik Nik Naharudin Mohd Nasir dan Cik Sofia Akmal. Pengunjung berpeluang melihat sendiri pelbagai penggunaan aplikasi dan teknologi terkini seperti : Penggunaan Virtual Reality (VR), pameran pelbagai jenis mesin percetakan 3D serta penggunaan aplikasi Internet of Things (IoT). Turut diadakan adalah sesi pameran hasil karya pelajar latihan industri iaitu 14 buah masjid di Malaysia dalam bentuk percetakan dimensi 3D serta sesi perkongsian idea oleh pelajar latihan industri. Program ini turut mendapat sokongan kerjasama rakan industri iaitu Pebble3d dan Putra Maker Space UPM. Program ini telah mendapat sambutan positif yang menggalakkan dari kalangan staf, pensyarah, pelajar dan komuniti luar dengan kehadiran seramai 236 orang pengunjung.

UTM JOHOR  
BICARA PERSONALITI PG  
MUFLIS DI USIA MUDA  
11.00pg | RABU | 9hb SEPTEMBER 2020



Bicara Personaliti PG merupakan program yang diletakkan di bawah payung Live@PTDI. Program ini diterbitkan khusus untuk menentengahkan bual bicara yang walaupun secara santai tetapi penuh berinformasi yang sesuai didengarkan oleh semua warga UTM Johor. Selain itu juga, program ini membawakan panel jemputan yang tidak perlu diperkenalkan lagi di Kampus Pasir Gudang iaitu Puan Suhana Mohamed. Tajuk yang dibawa pada kali ini adalah Muflis Di Usia Muda bersesuaian dengan panel jemputan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Antara persoalan yang dijawab adalah perbezaan blacklist dan bankrap, statistik golongan muda yang bankrap di Malaysia, tips untuk tidak bankrap dan pelbagai lagi.

PAMERAN MAHASISWA HARAPAN MASYARAKAT  
20 SEPTEMBER – 15 OKTOBER 2020



Prodigies Legacy



IV Stem



Bee Friendz

Pameran Mahasiswa Harapan Masyarakat dibawakan khusus ke PTDI untuk mempromosikan kumpulan ini. Mahasiswa Harapan Masyarakat yang terdiri daripada 3 kumpulan iaitu Prodigies Legacy, IV Stem serta Bee Friendz. Tujuan utama pameran ini diadakan adalah untuk memberikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di samping memasarkan produk keluaran mereka. Hasil dan produk yang dikeluarkan oleh kumpulan ini adalah seperti berikut; Kumpulan Prodigies Legacy mempromosikan dan memasarkan produk buatan OKU, Kumpulan IV Stem memfokuskan aspek pembelajaran dan Pendidikan berasaskan Sains dan Matematik manakala Kumpulan Bee Friendz memasarkan dan mempromosikan produk berasaskan madu kelulut seperti sabun tangan, sabun basuh baju, sabun badan dan lain-lain lagi. Warga kampus telah hadir ke PTDI untuk memeriahkan pameran ini secara tidak langsung mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai kumpulan ini.

# LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN KE PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL UITM CAWANGAN JOHOR 21 - 22 SEPTEMBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Johor



Sekitar Sesi Lawatan Kerja di PTDI Kampus Segamat



Pada 21 - 22 September 2020, Ketua Pustakawan Ts. Noor Hidayat bin Adnan telah berkunjung ke Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor. PTDI UiTM Cawangan Johor amat bertuah kerana kunjungan ini merupakan kunjungan yang pertama didalam siri lawatan kerja ke Perpustakaan Cawangan. Turut serta mengiringi beliau adalah En. Ariffin bin Jamaludin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Jabatan Arkib Universiti.

Pihak pengurusan UiTM Cawangan Johor turut mengalu-alukan kehadiran Ts. Noor Hidayat bin Adnan dimana, Prof. Dr. Ismail bin Ahmad, Rektor UiTM Cawangan Johor dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri telah meluangkan masa berjumpa dan melihat sendiri pencapaian prestasi PTDI bagi tahun 2020.

Sesi lawatan ini merupakan salah satu program libat sama Ketua Pustakawan dengan semua staf perpustakaan. Ia bertujuan bagi memperjelaskan aspek tadbir urus dan hala tuju strategik perpustakaan 2020 - 2025 serta melihat pencapaian prestasi pembangunan dan perkhidmatan yang telah ditetapkan. Pembentangan di Kampus Segamat telah dibentangkan sendiri oleh Puan Hajah Nor Asiha binti Alias, Timbalan Ketua Pustakawan manakala di Kampus Pasir Gudang dibentangkan oleh En. Idris bin Muhammad, Pustakawan Kanan.

Semoga sesi lawatan kerja ini dapat memberi kefahaman kepada semua staf perpustakaan UiTM Cawangan Johor berkenaan halatuju strategik perpustakaan seterusnya bersama-sama berusaha untuk mencapai prestasi yang cemerlang. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Ketua Pustakawan kerana sudi berkunjung ke PTDI UiTM Cawangan Johor.

# LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN KE PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL UITM CAWANGAN JOHOR 21 - 22 SEPTEMBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Johor



fb



ig



tw



yt

fb ig tw yt



Sekitar Sesi Lawatan Kerja  
Ketua Pustakawan  
di PTDI Kampus Segamat  
&  
Kampus Pasir Gudang





Sekitar lawatan ke Jabatan Arkib Universiti pada 9 September 2020

## PAMERAN MAHKOTA JAUHAR JUNJUNGAN NEGERI DI PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL UTM CAWANGAN JOHOR





Sekitar Program Khidmat Masyarakat di Masjid As-Syakirin UTM Cawangan Johor, Kampus Segamat.

- Gotong-royong menyediakan saf norma baharu
- Penyerahan semula naskah Al-Quran dan kitab yang telah dibaiki oleh Unit Pemuliharaan, PTDI.

## SESI PERKONGSIAN ILMU : EXPLORE OUR NEW WEBSITE 15 SEPTEMBER 2020



Sekitar sesi perkongsian ilmu : *Explore Our New Website*

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat, Pustakawan Kanan Unit Perpustakaan Digital. Objektif program adalah memastikan semua staf PTDI mahir dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan melalui platform laman web perpustakaan.



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk **"Menelusuri Jejak Kemerdekaan"**.

Pameran ini menyorot kembali sejarah kemerdekaan negara, Kongres Melayu pertama yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 telah menubuhkan **Pertubuhan Kebangsaan Melayu Kebangsaan (UMNO)**.

Usaha ini memantapkan perjuangan dan pembentukan negara dengan bangsa yang berdaulat.

Walaupun Tanah Melayu diisytiharkan darurat pada 1948 akibat pemberontakan komunis, namun ia sedikit pun tidak mematahkan semangat para pejuang kemerdekaan tanah air tercinta.

Pameran maya ini berlangsung bermula **1 September 2020** sehingga **30 September 2020** dan boleh diakses di laman sesawang **PTAR UiTM Cawangan Melaka** di bahagian **Virtual Exhibition**.

**Pautan Pameran Maya:** <https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/202-jejakmerdeka>

Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus:

**KAD PENGIRAAN JUMLAH PENGGUNA  
KE PERPUSTAKAAN DAN ALUAN KELUAR DAN MASUK KE PERPUSTAKAAN**  
17 September 2020

**Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin** telah menjalankan aktiviti gotong-royong bagi menyemak semula label penjarakan fizikal dan membuat kad pengiraan jumlah pengguna keluar dan masuk perpustakaan sempena persediaan kemasukan pelajar pada bulan Oktober.

Kad ini dibuat berdasarkan jumlah kapasiti pengguna perpustakaan mengikut penjarakan fizikal. Sebanyak **300 kad** yang telah disiapkan bagi persediaan kemasukan pelajar pada bulan Oktober.

Selain itu, pihak perpustakaan juga telah membuat penanda arah keluar dan masuk perpustakaan mengikut SOP yang telah ditetapkan bagi menjaga penjarakan fizikal di dalam perpustakaan.



*Kad keluar masuk dan label keluar masuk ke Perpustakaan*

# PROGRAM 10 RIBU LANGKAH READ@UITM MERDEKA BERSAMA TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN 10 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka

Program 10 Ribu Langkah Read@UITM Merdeka Bersama Timbalan Ketua Pustakawan adalah anjuran bersama Unit Kesihatan UITM Cawangan Melaka sempena menyemarakkan lagi Hari Merdeka dan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2020.



Program kesihatan ini juga dianjurkan bagi memperkenalkan Timbalan Ketua Pustakawan baru, Puan Noor Hayati Abu Kassim kepada warga kampus. Berjalan sambil menambah ilmu pengetahuan, antara objektif program ini dijalankan. Sambil berjalan peserta perlu scan QR Code di setiap 5 check point yang disediakan. Soalan yang disediakan memerlukan peserta melayari Pameran Maya mengenai Menelusuri Kemerdekaan dan Di Sebalik Makna Prinsip Rukun Negara yang telah disediakan dalam laman sesawang PTAR UITM Cawangan Melaka. Selain itu, peserta juga perlu mengenalpasti online database yang disediakan oleh PTAR UITM. Seramai 5 pemenang dengan markah yang tertinggi daripada keseluruhan 100 orang peserta telah berjaya menjawab soalan kuiz yang disediakan.

## KONSULTASI FUMIGASI BAHAN UNIT ARKIB UITM CAWANGAN MELAKA OLEH BIO SOLUTIONS TECHNOLOGY SDN BHD, 11 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menerima kehadiran 2 orang wakil dari syarikat Bio Solution Technology Sdn Bhd. Kehadiran mereka di Unit Arkib bagi memberi penerangan tentang produk yang ditawarkan bagi menjalankan proses fumigasi bahan arkib di Unit Arkib UITM Cawangan Melaka. Konsultasi ini dijalankan bagi menerangkan proses fumigasi bahan dari pembersihan bahan sehingga bahan diletakkan ke dalam kotak arkib di dalam bilik rekod. Tawaran ini bersesuaian sekiranya Unit Arkib telah mempunyai bahan di bilik rekod, di mana pihak arkib boleh membayar syarikat tersebut untuk membuat proses fumigasi secara besaran-besaran di Unit Arkib. Konsultasi ini dijalankan selama 1 jam yang telah diketuai oleh Puan Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UITM Cawangan Melaka.





*"Seminar on Communication Strategies for Leaders" dijalankan di PTAR Aras 12, UITM Kampus Bandaraya Melaka. Seminar yang berlangsung selama dua hari (17-18 September 2020) adalah seminar bersiri yang dianjurkan oleh pihak Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) dengan kerjasama Unit for Curriculum Affair and Academic Development (UCAAD) UITM Cawangan Melaka. Tujuan seminar ini dijalankan adalah bagi melatih bakat-bakat kepimpinan di kalangan pemimpin serta bakal pemimpin yang berpotensi di kampus. Para peserta terdiri daripada barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Ketua-ketua Unit/Bahagian, koordinator, serta penyelar. Para peserta terdiri dari Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya dan Kampus Jasir.*

*Seminar ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Prof. Datuk Dr. Mizan bin Hitam, Penolong Naib Canselor, ILD merasmikan serta menyampaikan taklimat bertajuk "Introduction to ESI and IDART". Turut hadir di seminar ini Prof Madya Dr. Ismadi bin MD Badarudin Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (mewakili Rektor), UITM Cawangan Melaka, Profesor Dr Zuraidah Binti Mohd Sanusi Pengarah Pusat Pembangunan Kepimpinan Institusi, ILD, En. Farid Faiz Penceramah I-Niche Sdn. Bhd, Dr. Faizah Eliza Binti Abdul Talib Fellow, ILD Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Dr. Norlaila Binti Md Zin Fellow, ILD, Dr. Nurazilah Binti Zainal Fellow, ILD.*



# PAMERAN MAYA CELIK WANG : POKET BOCOR 1 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



Pameran Maya: Celik Wang Poket Bocor ini memaparkan serba sedikit realiti permasalahan yang sering dialami oleh setiap individu dalam pengurusan wang bulanan sehingga ada yang membawa kepada trajedi muflis. Namun setiap masalah pasti ada jalan penyelesaian.

Maklumat lanjut sila klik link di bawah:

<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/205-celikwang>

Maklumat disampaikan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

# PAMERAN MAYA : DI SEBALIK MAKNA PRINSIP RUKUN NEGARA 01 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Pameran maya yang bertajuk Di Sebalik Makna Prinsip Rukun Negara di sediakan bagi mempamerkan dan menghebahkan maklumat mengenai di sebalik Rukun Negara yang diamalkan oleh setiap rakyat Malaysia.



Pameran yang di jalankan sepanjang bulan September 2020 ini adalah bagi memperkenalkan Rukun Negara yang bermula dari ideology kebangsaan Malaysia yang telah dibentuk pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969. Tujuan utama Rukun Negara dibentuk adalah untuk membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip – prinsip Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi memastikan kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Pameran ini juga disediakan bagi menyemarakkan lagi Hari Malaysia yang akan disambut pada 16 September 2020. Maklumat lanjut sila klik link di bawah:

<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/203-rukunnegara>

# PERSEDIAAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS FASA 1 : SUSUN ATUR RUANG DISKUSI PERPUSTAKAAN 1 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



*Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus Fasa 1 : Aktiviti gotong-royong staf PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah menyusun atur semula kerusi dan meja di ruang diskusi mengikut SOP penjarakkan sosial. Aktiviti ini dijalankan sebagai persediaan sebelum kemasukan semula pelajar ke kampus.*

# PERSEDIAAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS FASA 2 : SUSUN ATUR RUANG LOKER SIMPANAN PENGGUNA 2 SEPTEMBER 2020



*Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus Fasa 2 : Aktiviti gotong-royong staf PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah menyusun atur semula loker di hadapan pintu masuk Perpustakaan. Pemilihan loker yang telah rosak diasingkan bagi proses pelupusan. Aktiviti ini dijalankan sebagai persediaan sebelum kemasukan semula pelajar ke kampus.*

# PERSEDIAAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS FASA 3 : PEMERIKSAAN LOKER BERKUNCI 3 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



*Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus Fasa 3 : Aktiviti gotong-royong staf PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah membuat pemeriksaan loker berkunci bagi memastikan loker boleh digunakan. Aktiviti ini dijalankan sebagai persediaan sebelum kemasukan semula pelajar ke kampus.*

## PERSEDIAAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS FASA 4 : LALUAN KELUAR DAN MASUK PERPUSTAKAAN MENGIKUT SOP 4 SEPTEMBER



*Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus Fasa 4 : Aktiviti gotong-royong staf PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah membuat penanda arah keluar masuk dalam Perpustakaan. Aktiviti ini adalah selaras dengan SOP penjarakkan sosial yang telah ditetapkan. Aktiviti ini dijalankan sebagai persediaan sebelum kemasukan semula pelajar ke kampus.*

# PERSEDIAAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS FASA 5 : KAD KIRAAN KELUAR MASUK PENGGUNA PERPUSTAKAAN 4 SEPTEMBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Maznah Maarof

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



*Persediaan Kemasukan Pelajar ke Kampus Fasa 5 : Aktiviti gotong-royong staf PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah membuat kad kiraan keluar masuk pengguna perpustakaan. Kad ini dibuat berdasarkan kapasiti pengguna perpustakaan mengikut penjarakkan sosial. Sebanyak 340 keping kad telah disiapkan. Aktiviti ini dijalankan sebagai persediaan sebelum kemasukan semula pelajar ke kampus.*

## KONSULTASI PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI: PELUPUSAN FAIL & REKOD MAJALAH UNIT PERANCANGAN & PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN 4 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



*Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menjalankan konsultasi Pengurusan Rekod Universiti: Pelupusan fail dan rekod majalah di Unit Perancangan & Pembangunan PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Konsultasi ini dijalankan bagi menerangkan proses pelupusan fail dan rekod majalah di bahagian tersebut dengan memberi penerangan mengenai cara dan proses pelupusan yang harus dilakukan bagi membuat permohonan pelupusan ke Unit Arkib UITM Cawangan Melaka. Selain itu, penerangan mengenai borang penilaian rekod dan borang homogenous telah diberikan supaya unit tersebut mengetahui prosedur mengisi borang dengan betul dan lengkap. Konsultasi ini dijalankan selama 30 minit yang telah di terangkan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman.*

# PELUPUSAN LAPORAN TAHUNAN SYARIKAT LUAR & KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN 4 SEPTEMBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka

Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menjalankan konsultasi Pengurusan Rekod Universiti: Pelupusan Laporan Tahunan Syarikat Luar & Kertas Soalan Peperiksaan di Unit Perkhidmatan Perpustakaan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Konsultasi ini dijalankan bagi



menerangkan proses pelupusan laporan tahunan dan kertas soalan peperiksaan di bahagian tersebut dengan memberi penerangan mengenai cara dan proses pelupusan yang harus dilakukan bagi membuat permohonan pelupusan ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, penerangan mengenai borang penilaian rekod dan borang homogenous telah diberikan supaya unit tersebut mengetahui prosedur mengisi borang dengan betul dan lengkap. Konsultasi ini dijalankan selama 30 minit yang telah di terangkan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman.



## PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI: SURAT LANTIKAN PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) & PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ) UiTM CAWANGAN MELAKA 8 SEPTEMBER 2020

Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menerima surat lantikan semua Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) UiTM Cawangan Melaka dari Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam. Surat lantikan ini harus diproses dan diberikan kepada setiap penama dan pentadbiran kampus masing-masing untuk dimasukkan ke dalam fail peribadi masing-masing. Surat lantikan ini disertakan sekali bersama senarai tugas PRJ & PTRJ untuk makluman penama tersebut mengenai tugas masing-masing. Proses ini telah di lakukan oleh Puan Salina Salehin, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka. Sebanyak 81 surat lantikan PRJ & PTRJ yang telah mendapat lantikan dari Arkib Negara Malaysia.



Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka



PTAR UITM Cawangan Melaka telah menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan PTAR UITM Cawangan Melaka Bil. 2/2020 di PTAR UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pn. Noor Hayati Abu Kassim telah dihadiri oleh semua staf dari perpustakaan Cawangan Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin. Pembentangan pencapaian Projek Inisiatif Cawangan merupakan agenda utama perbincangan, juga amanat dari Timbalan Ketua Pustakawan kepada staf serta hal ehwal tadbir urus perpustakaan bagi ketiga-tiga kampus.



## LAWATAN TIMBALAN BENDAHARI KANAN UITM CAWANGAN MELAKA KE UNIT ARKIB DAN PERPUSTAKAAN 9 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari Timbalan Bendahari Kanan UITM Cawangan Melaka, Encik Zulkepli Hassan bagi melihat sekitar dalaman Unit Arkib bagi memastikan segala persediaan dalaman di Unit Arkib sesuai untuk dijadikan lokasi penyimpanan rekod penting Universiti. Selain itu, Encik Zulkepli juga melihat segala peralatan yang diperlukan di Unit Arkib bagi memastikan segala proses kerja Unit Arkib dapat dijalankan dengan lancar. Lawatan tersebut telah berlangsung selama 1 jam dan diketuai oleh Puan Noor Hayati Abu Kassim bersama staf perpustakaan yang lain.





Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan dari pensyarah kanan, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka Prof. Madya Dr. Azahar bin Harun bagi melihat sekitar dalaman Unit Arkib yang telah siap dinaik taraf. Selain itu, Prof. Madya Dr. Azahar Harun juga merupakan pencetus idea bagi reka bentuk dan layout Unit Arkib UTM Cawangan Melaka. Lawatan tersebut telah berlangsung selama 30 minit dan diketuai oleh Puan Noor Hayati Abu Kassim bersama staf perpustakaan yang lain.

## PEMASANGAN LUKISAN DI UNIT ARKIB UTM CAWANGAN MELAKA 23 SEPTEMBER 2020



Unit Arkib, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah meminjam 5 lukisan dari Galeri Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UTM Cawangan Melaka. Sesi pemasangan lukisan tersebut oleh Encik Ali Bebit pensyarah daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UTM Cawangan Melaka yg mengendalikan Galeri Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Kerjasama peminjaman dan pemasangan lukisan ini telah diberikan oleh Ketua Pusat Pengajian Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Dr Nadzri Hj Shariff. Pemasangan lukisan ini telah berlangsung selama 1 jam dan diketuai oleh Puan Roslah Laman bersama staf perpustakaan yang lain.





Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pembelian Buku dan Majalah telah diadakan bagi mendapatkan kelulusan Pembaharuan langganan majalah bagi tahun 2021.

Mesyuarat telah di pengurusikan oleh TRHEA, Prof Madya Dr Ismadi Md Badarudin dan dihadiri oleh semua ahli jawatankuasa serta urusetia.

## TAKLIMAT PERPUSTAKAAN : BENGKEL PENGUKUHAN NILAI PROFESIONALISME PENSYARAH BAHARU UTM CAWANGAN MELAKA 21 SEPTEMBER 2020



### Taklimat PTAR UiTM Cawangan Melaka Bengkel Pengukuhan Nilai Profesionalisme Pensyarah Baharu UiTM Cawangan Melaka

21 September 2020 | 11.15 pagi  
Dewan Kuliah 1,  
UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah dijemput menyampaikan taklimat perpustakaan di Bengkel Pengukuhan Nilai Profesionalisme Pensyarah Baharu UiTM Cawangan Melaka pada 21 September 2020 yang dihadiri oleh seramai 42 orang pensyarah baharu. Taklimat disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Turut membantu perjalanan taklimat adalah Encik Muhammad Shafiq Snin, Pembantu Pustakawan.



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah selesai menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dalam (MJPD) PTAR UiTM Cawangan Melaka Bil.6/2020 pada 22 September bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pn. Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan ini membincangkan Laporan Pencapaian KPI & PI PTAR UiTM Cawangan Melaka Sukuan Ke-2 (Jan-Jun 2020) serta perancangan perpustakaan bagi menambahbaik perkhidmatan perpustakaan.

## LIBRARY OUTREACH PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA BERSAMA FAKULTI KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA 23 SEPTEMBER 2020

PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach bersama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media yang telah berlangsung pada 23 September 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Melaka. Taklimat secara bersemuka berkaitan Pengurusan Organisasi telah disampaikan oleh Pn. Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, diikuti dengan taklimat Cadangan Pembelian Koleksi Perpustakaan oleh Pn. Roslah Laman, Repositori Universiti dan Dasar Penyerahan Harta Intelek oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi oleh Pn. Maznah Maarof, dan Perkhidmatan Perpustakaan Digital oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan. Program telah dihadiri seramai 18 orang penyarah dan diakhiri dengan sesi soal jawab dan sesi bertukar pandangan yang mendapat maklumbalas sangat positif bagi menambahbaik serta meneruskan kecemerlangan perkhidmatan perpustakaan.



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka

Jabatan Infostruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur telah menganjurkan Program Infostruktur Webinar bertajuk *Technology and Health Tracking In Physical Activity and Weight Management* pada 25 September 2020 dimana Pn.Rohayu Ramli, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, UiTM Cawangan Melaka telah bertanggungjawab sebagai moderator dan penceramah utama oleh Dr Yusri Salleh, Pegawai Perubatan, UiTM Cawangan Melaka. Di dalam program ini juga, Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan telah dijemput sebagai penceramah jemputan yang berkongsi informasi serta pengalaman sebagai pengguna Garmin Edge 1000 dan aplikasi MyFitnessPal sejak tahun 2016 sepanjang aktiviti kayuhan basikal beliau.

Didalam program ini juga En. Muhammad Shafiq Snin telah berjaya memenangi kuiz yang dianjurkan dan membawa pulang cenderahati Jam Xiaomi Mi Smart Band 4



## MAJLIS LAMBAIAN KASIH, BUDI DIKENANG BAKTI DIJULANG 28 SEPTEMBER 2020



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menganjurkan Majlis Lambaian Kasih, Budi Dikenang Bakti Dijulang Pn. Roslah Laman yang akan mula bertugas sebagai Timbalan Ketua Pustakawan di PTAR UiTM Shah Alam bermula 1 Oktober 2020. Untuk rekod, Pn. Roslah mula bertugas di PTAR UiTM Cawangan Melaka pada 1 Ogos 2003 – 30 September 2020.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pn. Rozaimah Mat Sidek, Mantan Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka dan Pn. Nor Aishah Binti Hj. Husain Timbalan Pendaftar Kanan. Pihak Perpustakaan mengucapkan tahniah atas kenaikan pangkat serta mendoakan semoga Pn. Roslah Laman sentiasa diberi perlindungan dan kesihatan berpanjangan oleh Allah SWT.

# "MONEY MINE" Personal Financial Planning Competition 8 September 2020

اقرأ  
BERITA

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz



## "MONEY MINE" Personal Financial Planning Competition

Pada 8 September 2020, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Bandaraya dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menganjurkan Pertandingan "Money Mine" Personal Financial Planning Competition yang bertujuan untuk membantu pembelajaran dan pengajaran (P&P) pelajar terutamanya berkaitan analisa dan membuat keputusan berkaitan pengurusan kewangan individu. "Money Mine" adalah satu projek inovasi 'board game' berbentuk pendidikan berkaitan kewangan yang dicipta berdasarkan kandungan kursus FIN 533 Personal Financing di UiTM Cawangan Melaka.

"Money Mine" adalah merupakan projek inovasi daripada kumpulan pensyarah - pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Melaka yang bakal dipertandingkan di Innovation in Teaching & Learning Competition (INTELE 2020) di UiTM Perak.

## Gerak Kerja Pendigitalan Bahan Harta Intelektual Bahan Sedia Ada PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah 1 - 30 September 2020

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman



Pada 1-30 September 2020, Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan gerak kerja bagi proses pendigitalan bahan harta intelektual sedia ada di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

Proses pendigitalan ini melibatkan bahan seperti tesis, projek pelajar dan bahan keusahawanan (ETR). Sebanyak 523 naskah bahan yang telah dihantar untuk dijadikan bahan digital. Proses pendigitalan ini dilakukan di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya yang diketuai oleh Encik Mohd Jefary bin Jantan.

21 SEPTEMBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Melaka

*Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak Untuk Cadangan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengujilari Dan Menyelenggara Sistem Keselamatan Perpustakaan Aras 12 (Secara Pakej) RFID UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.*

*Pada 21 September 2020, jam 2.30 petang – 4.00 petang PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah mengadakan Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak untuk cadangan membekal, menghantar, memasang, mengujilari dan menyelenggara Sistem Keselamatan PTAR Aras 12. Hanya 3 syarikat yang telah menghadiri sesi ini daripada 15 syarikat yang dijemput oleh pihak bendahari.*



### **Gerak Kerja Proses Pemasangan Tag RFID pada semua Koleksi Buku di PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya 1 - 30 September 2020**



*Gerak kerja proses pemasangan Tag RFID pada semua koleksi buku di PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya dan projek pemutihan buku-buku bermasalah di PTAR Aras 1. Gerak kerja ini bermula pada Julai 2019 dan dilakukan secara fasa berdasarkan jumlah TAG RFID yang ada dan bergantung kepada proses pembelian TAG RFID untuk fasa ke 2 pada Julai 2020. Sehingga 30 September 2020 jumlah buku yang telah berjaya diletakkan TAG RFID ialah 24,392 dan projek pemutihan yang telah dilaksanakan sehingga 30 September 2020 ialah Judul - 504 dan Naskah - 705. Pemasangan TAG RFID akan siap sepenuhnya pada 12 Oktober 2020.*



KUNJUNGAN HORMAT  
KE FAKULTI  
PENGURUSAN DAN  
PERNIAGAAN , UiTM  
KAMPUS KUALA PILAH  
17 SEPTEMBER 2020

INSTITUTIONAL REPOSITORY (IR)  
<https://eprints.uitm.edu.my/>



Pada 17 September 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Kuala Pilah di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Sesi ini telah dihadiri oleh 6 orang pensyarah yang mengajar subjek perniagaan dan fokus utama kunjungan hormat adalah untuk memohon bahan-bahan harta intelek seperti projek pelajar dan laporan keusahawanan bg kod subjek ENT. Simbolik penyerahan bahan harta intelek untuk subjek ENT telah disempurnakan oleh Pn. Nabilah Abdul Shukur, Koordinator Pengurusan dan Perniagaan kepada Pn. Hj. Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

TAKLIMAT PELUPUSAN BAHAN PERPUSTAKAAN  
30 SEPTEMBER 2020

Pada 30 September 2020 jam 3.00 petang, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan Taklimat Pelupusan Bahan kepada staf Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Taklimat telah diberikan oleh Pn. Halimah Mohamad Zahari, Pembantu Pemuliharaan, Unit Arkib Cawangan Negeri Sembilan. Taklimat ini bertujuan berkongsi ilmu mengenai pelupusan bahan- bahan perpustakaan dan memberi penerangan lanjut berkenaan tatacara & proses pelupusan bahan PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Taklimat ini telah dihadiri oleh 6 orang staf dari PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.



9 SEPTEMBER 2020 | RABU | 11.30 PAGI

**BICARA BUKU  
SEMPENA BULAN  
KEMERDEKAAN**

Bersama Timbalan Rektor HEA UTM  
Cawangan Negeri Sembilan

STAY CONNECTED  
with us on our social media

**PANEL**

**MODERATOR**

PROF. MADYA DR. ABUL HALIM RAMLI  
TIMBALAN REKTOR HEA UTM  
UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pn. Mumtaz Ahmad  
KOORDINATOR KEMERDEKAAN NEGERI  
UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

QR CODE

UTM INDAH DAN OPTIMAL KAMU  
BERKATA LANGSUNG

**PANEL**

PROF. MADYA DR. ABUL HALIM RAMLI  
TIMBALAN REKTOR HEA UTM  
UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

**MODERATOR**

Pn. Mumtaz Ahmad  
KOORDINATOR KEMERDEKAAN NEGERI  
UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Perpustakaan Tun Abdul Razak UTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Live@PTAR: Bicara Buku Sempena Bulan Kemerdekaan Bersama Timbalan Rektor HEA UTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini dikendalikan oleh Pn. Mumtaz Ahmad, Pensyarah Kanan selaku moderator dan Prof. Madya Abdul Halim Ramli, Timbalan Rektor HEA UTM Cawangan Negeri Sembilan selaku panel. Program ini bertujuan untuk berkongsi atau mengulas buku yang ditulis oleh panel sendiri berkenaan hubungan kaum di Malaysia. Program ini telah berjalan dengan lancar melalui siaran secara langsung dengan menggunakan medium Facebook dan YouTube.

**ULASAN BUKU:  
KEKUATANKU, INSPIRASIKU**

**MODERATOR**

**PANEL**

**PANEL**

PN. ASHILA MUSA  
PEMBANTU PERPUSTAKAWAN

PN. CHE KU FARIYAH CHE KU ABDUL SATAR  
PEGAWAI PSIKOLOGI KANAN

PN. SHAMSINA DAUD  
PEMBANTU MAKMAL

23 SEPTEMBER 2020 (RABU)  
10.00 PAGI  
GOOGLE MEET  
#ReaksiUTM

QR CODE

UTM INDAH DAN OPTIMAL KAMU  
BERKATA LANGSUNG

Books: *Raih Cinta Tuhan*, *PELUANG KANSER*, *KANSER*



Perpustakaan Tun Abdul Razak UTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Proram Live@PTAR: Ulasan Buku yang bertajuk Kekuatanku, Inspirasiku yang dikendalikan oleh Pn. Ashila Musa, Pembantu Pustakawan selaku moderator, Pn. Che Ku Fariyah Che Ku Abdul Satar, Pegawai Psikologi Kanan selaku panel pertama dan Pn. Shamsina Daud, Pembantu Makmal selaku panel kedua. Program ini bertujuan untuk mengulas buku yang dibaca disamping berkongsi cerita kisah hidup panel yang berkait rapat dengan buku yang dibaca. Program ini berjalan dengan lancar melalui siaran secara langsung dengan menggunakan medium google meet.



STAY CONNECTED  
ANYWHERE, ANYTIME, ANYONE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

BOOK REVIEW SIRI 1:  
**READ, KNOWLEDGE & SHARE**  
3 SEPTEMBER 2020 | KHAMIS | 2.30 PETANG | GOOGLE MEET

MODERATOR  
Puan Nur Rabita Rouzan

MODERATOR PERTAMA  
Mohd Azlan Azlan Haris

MODERATOR KEDUA  
Dr. Azzah Yusoff

MODERATOR KETIGA  
Mohamed Shafiq Nurhamed Khalid

GOOGLE MEET QR CODE

**'Jom Imbas & Sertai Kami!'**  
<https://largo.page-link/UCBw>  
Jam latihan disediakan

Tertuka kepada semua warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan


UiTM di rumah PTAR

f @ t PTARKAMPUSREMBAU

"LibraryForAll"  
<http://library.sembrang.utm.edu.my>

## BOOK REVIEW SIRI 1

Sesi perkongsian ilmu (eSPI) Book Review Siri 1: Read, Knowledge & Share telah berlangsung dengan jayanya pada 3 September 2020 yang lalu, selama 1 jam. Program ini telah disertai oleh 3 pengulas jemputan yang terdiri dari staf akademik di UiTM CNS Kampus Rembau. Setiap pengulas buku diberi masa untuk berkongsi ilmu dan intipati yang diperolehi dari pembacaan mereka kepada peserta. Objektif program adalah memupuk usaha budaya membaca dan galakan perkongsian ilmu di kalangan warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini telah diadakan secara maya melalui medium Google Meet. Peserta yang terlibat terdiri dari warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan serta cawangan UiTM yang lain. Diharapkan sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua peserta. Sesi ini telah dikendalikan oleh Puan Nur Rabita Rouzan, Pustakawan Kanan.







Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

e-Sesi Perkongsian Ilmu:

# ANJAKAN PARADIGMA PEKERJA BERKUALITI

22 SEPTEMBER 2020 | SELASA | 2.30 PETANG | MEDIUM:GOOGLE MEET

GOOGLE MEET



**'Jom Imbas  
& Sertai Kami'**

<https://qrgo.page.link/DtwJB>

"Terbuka kepada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan"

@PTARSAMPUSREMBAU

"LibraryForAll"



Bersama Penceramah Jemputan:  
**Encik Nasrullah Zainal Abidin**  
Pegawai Psikologi  
UiTM CNS Kampus Rembau



## ANJAKAN PARADIGMA PEKERJA BERKUALITI

Sesi perkongsian ilmu (eSPI) Anjakan Paradigma Pekerja Berkualiti telah berlangsung jam 2.30 petang pada 22 September 2020 melalui medium Google Meet. Objektif program ini diadakan bertujuan untuk memberi perkongsian maklumat mengenai cara-cara menjadi seorang pekerja yang berkualiti di dalam norma baharu ini. Program ini turut memberi pendedahan kepada staf bagaimana cara untuk menangani masalah atau konflik yang timbul sesama rakan sekerja. Penceramah jemputan bagi program ini adalah Encik Nasrullah Zainal Abidin, Pegawai Psikologi UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dan Puan Intan Syafinas Mohd Ali, Pembantu Pustakawan bertindak selaku pengacara program.

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

BOOK REVIEW SIRI 2:  
**READ, KNOWLEDGE & SHARE**  
25 SEPTEMBER 2020 | JUMAAT | 10.00 PAGI | GOOGLE MEET



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan



**MODERATOR**  
Nur Hafizah  
Pembantu Pustakawan


GOOGLE MEET



**'Jom Imbas & Sertai Kami'**  
<https://qgo.page.link/En2IG>  
Jam latihan disediakan

Tertuka kepada semua warga UITM Cawangan Negeri Sembilan

FOLLOW US ON SOCIAL MEDIA  
PTARKAMPUSREMBAU



"LibraryForAll"

<http://library.nsembilan.uitm.edu.my>



**BOOK REVIEW SIRI 2**

Sesi perkongsian ilmu (eSpi) Book Review Siri 2: Read, Knowledge & Share telah berlangsung dengan jayanya pada 25 September 2020 yang lalu, jam 10.00 pagi. Siri 2 ini telah disertai seramai 5 orang pengulas terdiri dari staf akademik dan juga bukan akademik. Program ini telah diadakan secara maya dengan menggunakan medium Google Meet. Sesi ini telah dikendalikan oleh Cik Malsyah Jamal Abdul Nasir, Pembantu Pustakawan. Peserta yang terlibat terdiri dari warga UITM Cawangan Negeri Sembilan serta cawangan UITM yang lain. Diharapkan sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta.

Disediakan oleh : Mohd Zahiddi Mohd Ali

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Negeri Sembilan

**LIVE@PTAR**

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

**GAYA HIDUP SIHAT DALAM NORMA BAHARU  
SUKAN & REKREASI**

22 SEPTEMBER 2020 (SELASA) | 10.00 PAGI - 11.00 PAGI

f LIVE PTAR UITM NEGERI SEMBILAN youtu.be LIVE PERPUSTAKAAN UITM



**PANEL 1:**  
ENCIK MOHD SHARIMAN SHAFIE  
PENYARAH KANAN FSR



**PANEL 2:**  
KAPTEN (B) MUHAMAD AFFANDI AHMAD  
PEGAWAI KOKURIKULUM



**PANEL 3:**  
ENCIK AHMAD ZARIF MOHAMAD ASHARI  
PEN. PEGAWAI PERUBATAN



**MODERATOR:**  
ENCIK SYAIFUL HISYAM SALEH  
PUSAT KANAN

UITM PTAR [www.library.uitm.edu.my](https://www.library.uitm.edu.my)

4 Safar 1442H / 22 September 2020 (Jumaat), PTAR Kampus Seremban telah mengadakan Program LIVE@PTAR: Gaya Hidup Sihat Norma Baharu: Sukan Dan Rekreasi. Pengisian program kali ini adalah dengan menjemput 3 orang panel iaitu Encik Mohd Shariman Shafie, Penyarah Kanan, FSR, UITM Kampus Seremban, Kapten (B) Muhamad Affandi Ahmad, Pegawai Kokurikulum, HEP, UITM Kampus Seremban dan Encik Ahmad Zarif Mohamad Ashari, Penolong Pegawai Perubatan, HEP, UITM Kampus Seremban. Diharapkan program ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua di dalam usaha memberikan pendedahan bersukan secara norma baharu dan galakan perkongsian ilmu di kalangan warga UITM Cawangan Negeri Sembilan.

**KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN PTAR UITMCN9 KE  
FAKULTI SAINS KOMPUTER & MATEMATIK  
10 SEPTEMBER 2020**

**BERITA**

22 Muharam 1442H / 10 September 2020M (Khamis), PTAR UITM Negeri Sembilan telah mengadakan program kunjungan hormat ke Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) yang disambut oleh Dr. Mat Salim Selamat, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Komputer dan Matematik Kampus Seremban bersama 10 orang pensyarah FSKM.

PTAR diketuai Puan Wan Norizan Wan Mansor (Ketua Perpustakaan Cawangan Negeri Sembilan), Encik Mohd Hafiz Kasirun (Pustakawan kanan), Puan Nur Rabita Rouzan (Pustakawan Kanan) dan Encik Syaiful Hisyam Saleh (Pustakawan).

Kunjungan ini bagi perkongsian maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PTAR, Sistem Pengurusan Arkib PTAR dan mendapatkan maklumbalas fakulti untuk penambahbaikan perkhidmatan.





Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UITM Cawangan Perak sesi 2019/2020 pada 2 September 2020. Dalam pertemuan ini, perbincangan dua hala antara MPP dan juga pihak PTAR UITM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dijalankan di Kafe Masmud bertempat di PTAR UITM Cawangan Perak melibatkan perkara berkaitan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar dan secara tidak langsung dapat menambah baik perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna pada masa hadapan. Diharap perjumpaan ini mampu memberikan impak yang positif kepada kedua-dua pihak dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan kepada semua warga UITM Cawangan Perak.

## READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR BUKU BILANGAN 1

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Perak  
Kampus Seri Iskandar

# Read & Relax

**DESKRIPSI**

- + Buku ini merupakan sebuah buku sambilan Pusat Pendidikan Al-Barakah yang ditulis oleh Ustaz Kazim Bilal al-Hafiz

**KANDUNGAN**

- + Himpunan doa, cara merawat mengikut perubahan Islam

**TEKNIK PENYAMPAIAN**

- + Dari potongan ayat Al-Quran dan yang mudah boleh difahami oleh masyarakat zaman Islam hari ini

**RUMUSAN**

- + Terdapat juga cara-cara rawatan ilmu perubatan Islam yang hampir luput ditelan zaman tetapi masih berkesan jika diamalkan. Antaranya adalah penggunaan bahan semulajadi seperti tumbuhan dan hasil galian. Beberapa cara perubatan hemeopati untuk kaedah alternatif untuk mencari penawar dalam mencari penawar

ibrary.perak@uitm.edu.my

ibrary.uitmperak

ibrary.uitm.perak

ibraryperak

**STAY CONNECTED**  
 @IBRARY@IBRARY@IBRARY@IBRARY

Sebuah buku hasil penulisan Ustaz Daato' Kazim Elias terbitan Pusat Pendidikan Al-Barakah. Buku ini mengandungi himpunan doa dan juga cara merawat mengikut perubahan Islam. Penulisan ini ditulis daripada potongan ayat Al-Quran yang mudah dibaca dan difahami oleh semua golongan masyarakat. Terdapat juga cara-cara rawatan ilmu perubatan Islam yang hampir luput ditelan zaman tetapi masih berkesan untuk diamalkan. Antaranya adalah penggunaan bahan semulajadi seperti tumbuhan dan hasil galian. Beberapa cara perubatan hemeopati untuk kaedah alternatif dalam mencari penawar turut diceritakan oleh penulis.

**Read & Relax**

**DESKRIPSI:** Latar penulisan buku ini ialah tentang bagaimana kita hendak raihkan diri sendiri dalam mengungkap masalah kehidupan sehari-hari.

**KANDUNGAN:** Motivasi, Keagamaan dan cara menganalisis masalah.

**TEKNIK PENYAMPAIAN:** Bahasa peribahasa dan anekdot yang kita sara penggabungan yang tera dalam buku ini.

**RUMUDAN:** Buku ini sangat sesuai bagi memberi kemahiran kepada orang yang pernah kejut di kemudi supaya kita lebih tenang dan bahagia dalam hidup.

STAY CONNECTED  
SIMPATI | AMITIB | LAJIM

library.perak.utms.edu.my library.utmsperak library.utms.perak @utmsperak

Sesuai dengan judulnya, buku *Relaks & Senyum* ini adalah tentang stres dan pengurusan stres, serta cara untuk hidup dengan lebih tenang dan bahagia. Rasa ego, rasa besar diri, rasa perasan bagus, rasa diri lebih baik akan diinjak sampai lumat tidak bersisa kerana inilah asal punca kepada masalah stres yang menimpa. Pengurusan stres ini penting untuk dipelajari kerana untuk mendapat rasa tenang itu bukannya mudah disebabkan masalah yang menimpa kita, datangnya hampir setiap hari dan dalam cara dan 'berat' yang berbeza pula. Maka antara tipnya adalah kita perlu bermuhasabah untuk setiap yang telah dan akan kita lakukan, muhasabah atas peragai sendiri serta memberi dorongan positif kepada diri sendiri supaya kita lebih tenang dan relaks dalam hidup. Buah tangan pertama Datuk Prof. Dr. Muhaya bersama Karya Bestari ini sangat istimewa kerana ia dihadirkan dengan layout yang menarik dan berwarna, serta penyampaian yang santai. Sesuai untuk bacaan remaja dan dewasa.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR  
BUKU BILANGAN 3

**Read & Relax**

**DESKRIPSI:** Latar penulisan buku ini adalah amalan dan petua untuk meraih rezeki menurut cara Islam.

**KANDUNGAN:** Keagamaan, Petua dan Motivasi.

**TEKNIK PENYAMPAIAN:** Buku ini menghimpunkan petua, doa, amalan dan ayat-ayat alquran berkaitan dengan keadaaan meraih rezeki dan berkat.

**RUMUDAN:** Buku ini sangat sesuai bagi orang yang dalam keupayaan hidup mereka ingin merembeskan sabar takwan dan bertawakkal kepada ALLAH semasa mata.

STAY CONNECTED  
SIMPATI | AMITIB | LAJIM

library.perak.utms.edu.my library.utmsperak library.utms.perak @utmsperak

"Amalan Murah Rezeki" ini ditulis untuk merungkai persoalan mengenai rezeki dan hutang yang sering bermain di minda masyarakat. Kebanyakan mereka terjerat dengan masalah ini kerana terpaksa atas alasan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, Islam telah menggariskan beberapa panduan agar kita tidak tergelincir dari landasan yang benar. Buku ini memberi petua bagaimana mendapatkan rezeki yang murah dan sekaligus turut membawakan sifat takwa yang perlu ada dalam diri kita sebagai umat Islam dalam menjalankan kehidupan.



Setiap manusia mempunyai keistimewaan yang Allah ciptakan dalam diri. Namun, ada halangan-halangan yang membuatkan kita tidak menjumpai potensi dan keupayaan yang sebenar. Antaranya ialah gangguan dan godaan daripada syaitan yang tidak pernah cuti untuk menghasut manusia ke arah keburukan. Naskhah ini merupakan soal jawab mengenai permasalahan-permasalahan yang berlaku kepada diri, keluarga dan masyarakat. Penulis mengajak kita untuk tidak terlalu memikirkan masalah, tetapi fokus kepada punca dan penyelesaiannya. Jika jati diri yang positif berjaya dibentuk, segala ujian dan bisikan jahat yang dihadapi boleh ditangani dengan baik.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR  
BUKU BILANGAN 5



Buku ini sesuai buat mak yang keletihan. Mak yang percaya mereka akan pergi suatu hari nanti dan anak yang harus dilengkapi dengan ilmu kemahiran hidup. Mak yang tidak mahu anaknya menyusahkan orang sekeliling apabila dia sudah pergi bertemu Tuhan. Filosofi Mak Singa adalah ilmu keibubapaan yang tidak akan jumpa dalam mana-mana buku keibubapaan zaman moden. Ia berkisar ilmu keibubapaan mak bapak kita dulu-dulu yang tegas dalam mendidik dan membesarkan anak-anak. Niat seorang ibu yang hanya mahu menasihati dan mengingatkan anak-anak supaya mereka kenal adab dan disiplin. Menghormati dan berbudu bahasa kepada mak ayah dan orang sekeliling. Kuat daya tahan, bercita-cita tinggi dan jangan mengharap duit KWSP mak ayah. Inilah buku yang memberi jawapan kepada mereka yang hendak tahu mengapa mak bapak moden hari ini melahirkan insan-insan berjaya di dunia sekarang.



Pada 4 September 2020 (Jumaat), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menerima kunjungan hormat dari pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UITM Cawangan Perak. Tujuan utama kunjungan hormat ini diadakan adalah bagi memperkenalkan ahli MPP yang baru dilantik kepada PTAR. disamping itu, perkongsian idea dan cadangan turut diadakan diantara dua pihak dalam menambah baik perkhidmatan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Tapah terutamanya dalam kalangan para pelajar. Dengan pertemuan ini, diharap kerjasama yang baik diantara pihak PTAR Kampus Tapah dan MPP UITM Cawangan Perak dapat diteruskan di masa akan datang.





Kunjungan hormat ke barisan eksekutif UITM Cawangan Perak telah dijalankan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memberi taklimat berkenaan Selective Dissemination of Information (SDI) kepada eksekutif UITM Cawangan Perak. Empat eksekutif yang terlibat dalam perkhidmatan SDI ini adalah Rektor, Prof Sr. Dr Md. Yusof Hamid, AMP, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof Madya Dr. Norhayati Baharun, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Sr. Dr. Mohd Azian Zaidi dan Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni, Prof Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim.

Di samping itu, tujuan lain kunjungan ini juga adalah untuk mempromosikan Perkhidmatan Perpustakaan Digital dan memperkenalkan Pustakawan baru, En Muhamad Azim bin A'nsori yang kini berkhidmat di PTAR UITM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar.





STAY CONNECTED  
#UITMPerak #PerakLibrary



# Pameran Maya Hari MALAYSIA

SEPTEMBER - OKTOBER 2020



perak.library@uitm.edu.my | @UITMPerak | peraklib.acad | library@uitm.edu.my

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menyediakan pameran maya sempena Hari Malaysia yang ke-57 pada 16 September 2020. Dengan bertemakan Malaysia Prihatin, pelbagai maklumat mengenai negara Malaysia telah disediakan melalui pameran maya ini. Sila imbas kod QR atau layari di pautan <https://perak.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions> untuk mengakses bahan pameran.

## MALAYSIA PRIHATIN

Pemilihan adalah selari dengan keadaan semasa negara yang memerangi Pandemik Covid-19.

**MALAYSIA** : Menggambarkan seluruh rakyat Malaysia turut sama memerangi Covid-19.

**PRIHATIN** : Inisiatif Kerajaan yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia.



MALAYSIA PRIHATIN

Disediakan oleh : Nur Dayana Mohd Nawawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Perak Kampus Tapah

ptar.kampus@perak.gov.my | @PTAR170904 | #PTAR170904 | Perpustakaan UTM Perak



**TAJUK :**  
**200 TIP BERHIBUR CARA RASULULLAH SAW**

**PENULIS:**  
**MUHAMAD HISHYAMUDDIN YAHYA**

*Buku 200 Tip Berhibur Cara Rasulullah SAW ini menyajikan bagaimana cara berhibur yang benar menurut Islam. Islam tidak melarang umatnya untuk berhibur, malah ia dihurkan. Hiburan membantu manusia untuk menjadi lebih tenang apabila berhadapan dengan situasi tegang akibat daripada masalah harian yang ditanggung. Namun, hiburan ada batasnya yang perlu diambil berat. Jikalau batas hiburan yang digariskan Islam dilanggar, maka sesuatu hiburan itu boleh mengundang pelbagai keburukan lantas perkara itu membawa kepada haramnya hiburan itu.*

**TAJUK :**  
**SEHARI DI NERAKA**

**PENULIS:**  
**IBNU RAJAB AL-HAMBALI**



*Setiap yang hidup pasti akan merasai mati dan kehidupan yang kekal hanyalah di akhirat nanti. Setiap apa yang dilakukan di atas muka bumi ini akan dihitung di hadapan Allah dan beruntunlah orang yang melakukan kebaikan kerana dijanjikan syurga. Sebaliknya, amat malanglah bagi yang melakukan kejahatan dan tidak bertaubat semasa hayatnya kerana akan dicampak ke dalam api neraka. Siapa yang yang akan menghuni api neraka? Berapa banyak pintukah yang terdapat di neraka? Bagaimanakah percakapan penghuni neraka? Dan siapakah yang akan selamat dari api neraka dengan adanya rahmat dari Allah? Pembaca akan mendapat jawapan bagi kesemua persoalan tersebut melalui buku ini.*

Disediakan oleh : Nur Dayana Mohd Nawawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Perak Kampus Tapah

ptar.kampus@nptar.gov.my | @PTARUTTapah | #PTARUTTapah | Perpustakaan UTi Perak

**Read & Relax**

**STAY CONNECTED**  
NUR DAYANA MOHD NAWAWI

**TAJUK :**  
**GAYA HIDUP SIHAT MENGATASI OBESITI**

**PENULIS:**  
**NORSAADAH BACHOK**

**1. Deskripsi**  
Buku ini mengandungi perincian dalam aspek penting obesiti iaitu keseimbangan tenaga pemakanan dan aktiviti fizikal. Terdapat nombor amalan yang penting untuk dilakukan oleh orang obes yang ingin mengurangkan berat badan. Penulis juga berkongsi pengalaman sendiri dengan pembaca dalam mengurangkan berat badan seperti masalah yang dihadapi semasa melakukan senaman dan cara beliau mengatasinya.

**2. Kandungan**  
Buku ini berisikan yang meliputi di dalam buku Gaya Hidup Sihat Mengatasi Obesiti ini ialah, Masalah Obesiti, Mengukur Obesiti, Makanan Berkembang, Pukulan para Patah Dikeluarkan, Aktifiti Fizikal, Prinsip Senaman Untuk Mengurangkan Berat Badan dan Mengubah Gaya Hidup. Di samping itu, penulis telah menggunakan pengalaman beliau dalam menangani masalah obesiti yang pernah di alami sebelumnya.

**3. Tujuan Pengamalan**  
Buku Gaya Hidup Sihat Mengatasi Obesiti ini akan menjadi panduan untuk orang obes yang ingin mengurangkan berat badan. Terdapat banyak info dan maklumat mengenai obesiti yang perlu anda ketahui untuk mengurangkan berat badan. Penulis juga akan mendapat maklumat tambahan berkaitan topik yang berkaitan dengan obesiti seperti di dalam buku ini.

**4. Rumusan**  
Dr Norsaadah Bachok, penulis buku Gaya Hidup Sihat Mengatasi Obesiti merupakan penyumbang perubahan yang banyak untuk kehidupan pesakit-pesakit obesiti dalam hal-hal orang dewasa dan remaja. Dengan berkolaborasi penulisan dan pengamalan beliau sendiri, segala info penting dan cara bagaimana masalah obesiti dapat diatasi dengan lebih mudah penulisan buku ini. Selarasnya untuk membantu kita dalam mengatasi masalah obesiti supaya kita dapat menjadi lebih baik daripada sekarang.

UTi PERAK

berny, nora, uti, nora, uti | @UTiUTiPerak | #UTiUTiPerak | berny, uti, nora, uti | STAS UTi Perak | berny, nora, uti

Buku ini mengandungi perincian dalam aspek penting obesiti iaitu keseimbangan tenaga pemakanan dan aktiviti fizikal. Terdapat panduan amalan yang penting untuk dilakukan oleh orang obes yang ingin mengurangkan berat badan. Penulis juga berkongsi pengalaman sendiri dengan pembaca dalam mengurangkan berat badan seperti masalah yang dihadapi semasa melakukan senaman dan cara beliau mengatasinya.

**TAJUK :**  
**THE FUNDAMENTALS OF ORGANIC CHEMISTRY**

**PENULIS:**  
**JOHN MACMURRY**

**HIGHEST DEMAND BOOK**

**Fundamentals of Organic Chemistry**

Author: John McMurry  
ISBN-11: 978-0321-91674-9  
Year: 2011  
Format: Hardcover  
Publisher: Cengage Learning  
ISBN-10: 0321-91674-9

The Fundamentals of Organic Chemistry – written so you can see organic chemistry relevance to your everyday life. Succeed in your organic chemistry course with this thorough introduction to the fascinating science of organic chemistry. In every chapter, you'll find applications that demonstrate how organic chemistry relates to your everyday life, a striking full-color art program that helps you visualize chemical processes and reactions, and superior learning tools you can use to master key concepts and succeed in the course.

UTi PERAK

The Fundamentals of Organic Chemistry –written so you can see organic chemistry relevance to your everyday life. Succeed in your organic chemistry course with this thorough introduction to the fascinating science of organic chemistry. In every chapter, you'll find applications that demonstrate how organic chemistry relates to your everyday life, a striking full-colour art program that helps you visualize chemical processes and reactions, and superior learning tools you can use to master key concepts and succeed in the course.

Disediakan oleh : Nur Dayana Mohd Nawawi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Perak Kampus Tapah



perak@uitm.edu.my | @PTARUITMPerak | #PTARUITMPerak | Perpustakaan UITM Perak



Pada 8 September 2020 (Selasa), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menerima lawatan kerja dari Rektor UITM Cawangan Perak dan Dekan Fakulti Perakaunan. Seramai 17 orang telah menyertai lawatan kerja ini. Pustakawan Kanan PTAR Kampus Tapah, Puan Nur Aida Rousli telah membawa Rektor, Professor Sr. Dr. Md. Yusof Hamid, AMP dan semua yang terlibat meninjau ke setiap aras di PTAR. Disamping itu, sedikit penerangan mengenai koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan di PTAR turut diberikan.



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Pulau Pinang



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
Cawangan Pulau Pinang  
Universiti Teknologi Malaysia

## PAMERAN MAYA FASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MALAYSIA

Bahagian 3



stayconnected stayalive  
staylearning

[penang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/190-pkp-3](https://penang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/190-pkp-3)

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan pameran secara maya berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 yang bertajuk Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Pameran ini terbahagi kepada 3 bahagian dan telah dipamerkan sepanjang bulan Ogos hingga awal September.

Bahagian 3 ini menceritakan tentang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan di mana lebih banyak kelonggaran diberikan kepada rakyat tetapi masih perlu mematuhi SOP yang ditetapkan dan menggunakan norma baharu dalam urusan seharian.

Pameran ini boleh diakses melalui pautan <https://anyflip.com/uyfmm/wvap/> ataupun diakses melalui laman web PTAR Penang di pautan <https://penang.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/190-pkp-3>

## GOTONG-ROYONG PROJEK "GREENATION BUDDIES@UITMCPP" BAHAGIAN PTAR 8 SEPTEMBER 2020

UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Program Greenation Buddies@UiTM CPP bagi mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) di bawah Perancangan Strategik dan MyRA Universiti. Selain itu, objektif utama program ini adalah untuk menggabungkan kreativiti dan inovasi lestari melalui pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan ke arah pengembangan bakat hijau selain meningkatkan ekosistem kampus hijau di UiTM CPP.

Gotong-royong dijalankan oleh ahli kumpulan yang telah dilantik dengan bantuan rakan-rakan staf yang lain. Program ini disertai oleh fakulti-fakulti dan bahagian-bahagian di dalam UiTM Cawangan Pulau Pinang yang perlu mewujudkan satu taman mini di lot-lot yang telah ditetapkan mengikut kreativiti masing-masing dan akan diadili oleh panel luar yang dilantik.

Gotong-royong dijalankan oleh ahli kumpulan yang telah dilantik dengan bantuan rakan-rakan staf yang lain. Program ini disertai oleh fakulti-fakulti dan bahagian-bahagian di dalam UiTM Cawangan Pulau Pinang yang perlu mewujudkan satu taman mini di lot-lot yang telah ditetapkan mengikut kreativiti masing-masing dan akan diadili oleh panel luar yang dilantik.





Pada 11 September 2020 yang lalu, telah berlangsung satu majlis sesi ramah mesra YBhg. Profesor Dr. Azizan Abdullah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM bersama MPP UiTM Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) di Aras 1, PTAR UiTM CPP. Kehadiran Prof. Dr. Azizan Abdullah petang itu telah diiringi oleh Timbalan Pendaftar Kanan HEP UiTM, Encik Armyan Fahmy Mohd Fahmy dan Ts. Dr. Mohd Rozaiman Aziz selaku Timbalan Rektor HEP UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Di dalam perjumpaan tersebut, pelbagai isu telah diutarakan kepada Profesor Dr. Azizan yang berkaitan dengan kebajikan pelajar-pelajar di UiTM. Beliau mengambil maklum semua isu dan cadangan yang telah di-majukan dan akan mengambil tindakan terhadap cadangan-cadangan tersebut.



### PROGRAM SANTAI 3E (EXPOSE, EXPLORE, EXPRESS) 25 SEPTEMBER 2020

Unit Kerjaya & Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, dengan kerjasama KKKUiTM dan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan Program Santai 3E (Expose, Explore, Express) Bersama Kaunselor Siri 3/2020 bertempat di Aras 1, PTAR Kampus Permatang Pauh pada 23 September 2020.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan ilmu tambahan kepada para staf dalam mengenali personaliti diri bagi membantu dalam menjaga kesejahteraan psikologi diri di tempat kerja agar lebih harmoni dan sejahtera. Seramai lebih kurang 30 orang peserta daripada pelbagai bahagian di dalam UiTM CPP telah menyertai program ini. Selain mendengar ceramah, peserta juga mengambil bahagian di dalam sesi soal-jawab dan sesi "one-to-one" untuk merungkai permasalahan di pejabat dan rakan sekerja. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Zulkhairi Ibrahim, Pegawai Psikologi Kanan, Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Cawangan Pulau Pinang dan dibantu oleh anak-anak buah beliau. PTAR Kampus Permatang Pauh juga telah mengadakan satu pameran buku-buku berkaitan kaunseling sepanjang program berlangsung untuk para peserta dan pengguna perpustakaan membuat bacaan dan pinjaman. Program Santai 3E sesi 4/2020 akan diadakan dalam masa terdekat di lokasi yang sama.





Pada 24 September 2020 (Khamis), bertempat di Megamall Bowling Centre, Pacific Perai, telah berlangsung Kejohanan Bowling Piala Rektor UITMCPD 2020 anjuran Persatuan Sukan & Kebajikan Kakitangan UITMCPD (PSKK). Sebanyak 47 pasukan yang terdiri daripada pelbagai fakulti dan bahagian di UITMCPD telah mengambil bahagian di dalam kejohanan bowling ini.

PTAR Kampus Permatang Pauh juga tidak ketinggalan menyertai kejohanan ini dan telah menghantar dua pasukan (wanita dan lelaki). Kejohanan ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran pasukan JKE UITMCPD dan juga kehadiran ketua-ketua bahagian yang turut sama memberi sokongan kepada pasukan masing-masing.

Johan keseluruhan pada kali ini telah disandang oleh Fakulti Kejuruteraan Awam. Di dalam ucapan alu-aluan Timbalan Presiden PSKK Tn. Haji Mohd. Sukor B. Md. Yusoff, beliau menggalakkan semua staf UITMCPD untuk menjadi ahli PSKK kerana banyak lagi aktiviti sukan dan kegiatan riadah yang akan dilaksanakan untuk faedah semua ahli.



## PROGRAM SANTAI 3E (EXTAKLIMAT PROSEDUR OPERASI STANDARD PENGURUSAN OPERASI PERKHIDMATAN PTAR UITMCPD SEMASA DAN PASCA PKP WABAK COVID-19

25 SEPTEMBER 2020



Pada 25 September 2020, satu taklimat persediaan kemasyarakatan pelajar-pelajar ke dalam perpustakaan (SOP Pengguna-Pengguna Memasuki Perpustakaan) telah diadakan kepada petugas-petugas Kaunter Perkhidmatan Pelanggan. Taklimat ini telah disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pustakawan Kanan Unit Perkhidmatan Pelanggan, PTAR UITMCPD.

Semua perpustakaan perlu mengamalkan norma baharu apabila meneruskan operasi semasa dan pasca PKP kerana penularan wabak COVID-19 masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Antaranya ialah dengan mengamalkan pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dengan kerap, penggunaan "hand sanitizer" dan penjarakan fizikal. Selain itu, staf-staf yang bertugas di kaunter perlu mengetahui tatacara pengurusan kaunter yang selamat ketika pasca PKP ini. Selain taklimat, perbincangan telah diadakan untuk menjalankan aktiviti gotong-royong mengurangkan kapasiti meja dan kerusi di samping menampal maklumat dan poster yang berkenaan.





Bertempat di He & She Coffee, UiTM Cawangan Pulau Pinang, telah diadakan satu program Open Mic Bersama Brother Man Gerek : Kembara Solo ke Mekah dan Jepun. Program yang berlangsung hampir 2 jam setengah itu disertai hampir 25 orang peserta fizikal dan 45 orang peserta maya.

Brother Man Gerek atau nama sebenarnya Tuan Haji Suliman Bin Abd. Lah telah menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records pada tahun 2019 selepas berjaya berbasikal secara solo ke Mekah dengan perjalanan sejauh 10,000 kilometer merentasi Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Iran, Oman, dan Arab Saudi. Selepas itu, beliau melaksanakan misi kayuhan solo Kembara Masjid di Jepun 2019 bermula 9 November lalu hingga 27 November 2019.

Sepanjang program, beliau menceritakan pengalaman beliau merentasi pelbagai negara dalam misi kembara ke Mekah yang penuh dengan cerita-cerita menarik dan mencemaskan. Mendengar pengalaman beliau bertemu dengan pelbagai masyarakat negara lain di samping peluang menziarahi masjid-masjid sepanjang perjalanan ke Mekah itu memberi maklumat dan perkongsian yang sangat menarik. Perancangan beliau untuk mengembara ke Negara Balkan sedang dalam perancangan dan dijadualkan pada tahun 2021.





Pada 15 September 2020, Program Kemerdekaan dan Hari Malaysia Kampus UiTM Cawangan Kedah telah disertai dan disokong oleh staf Perpustakaan Sultan Badlishah. Staf perpustakaan bersama-sama menyertai pertandingan seperti Nyanyian Patriotik, Swafoto dan Hiasan Bahagian sempena Hari Kebangsaan dan Malaysia Prihatin 2020. Dalam program dan penyertaan tersebut, semangat patriotik dapat diserapkan dan juga kerjasama berpasukan ditingkatkan seterusnya memupuk semangat keharmonian semasa bekerja.



Pada 22 September 2020, audit Covid-19 telah dilakukan di Perpustakaan Sultan Badlishah bagi memastikan perkhidmatan mengikut prosedur yang diwajibkan. Juruaudit adalah Pn. Norhafizah Che Mat dan diiringi oleh Ketua Perpustakaan Cawangan Kedah Pn. Azizah Khasim. Keseluruhannya, audit perpustakaan telah mengikut SOP yang telah ditetapkan.



Pada 24 September 2020, staf Perpustakaan Sultan Badlishah & warga UITM Cawangan Kedah bergotong royong menanam sebanyak 7800 sulur nanas. Alhamdulillah kerjasama yang baik dari semua warga kampus yang bertungkus lumus mengusahakan tanah daripada terbiar. Beberapa gambar kenangan staf Perpustakaan Sultan Badlishah bersama Rektor dalam program menanam nanas.



Pada 28 September 2020, taklimat ini dilaksanakan secara fizikal dan siaran langsung oleh Pn. Noor Azlin Abdullah, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultan Badlishah dan mendapat kehadiran fizikal seramai 194 pelajar manakala siaran langsung pendaftaran pada masa tersebut adalah seramai 1170 orang. Penerangan merangkumi perkara berkaitan perkhidmatan perpustakaan yang disediakan kepada pelajar sama ada perkhidmatan secara fizikal ataupun atas talian dan digital.

## GOTONG ROYONG, PEMBERSIHAN DAN PELUPUSAN BAHAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH 30 SEPTEMBER 2020



Pada 30 September 2020, aktiviti gotong-royong pembersihan dan pelupusan telah dilaksanakan bagi melupus dan menyusun atur semula serta membersihkan ruang perpustakaan termasuk proses sanitasi bersama staf pembersihan perpustakaan.

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG



**P**ada 17-30 September 2020, Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UITM Cawangan Pahang telah mengadakan Program Library Outreach bersama Fakulti UITM Cawangan Pahang. Di dalam program ini melibatkan beberapa fakulti yang terdapat di UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka dan Kampus Raub.

Program ini dijalankan secara atas talian melalui medium aplikasi google meet dan taklimat disampaikan oleh Pustakawan Kanan Perpustakaan Al-Bukhari dan dibantu oleh Pustakawan kanan PTAR Shah Alam. Program ini adalah bertujuan menyampaikan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan kepada warga UITM Cawangan Pahang supaya maklum dengan Perkhidmatan terkini yang diwujudkan terutama sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (PKPP) ini dengan mematuhi SOP yang disediakan.

Seramai 283 peserta telah terlibat dalam Library Outreach di sepanjang program ini berlangsung.



# PROGRAM 1 MINUTE BOOK REVIEW CHALLENGE ANJURAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI.

27 SEPTEMBER – 01 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG  
Tempat : Kolej Tok Gajah & Kolej Mat Kilau 1, UTM Cawangan Pahang

Pada 27 September – 01 Oktober 2020, Perpustakaan Al-Bukhari, UTM Cawangan Pahang telah menganjurkan program "1 Minute Book Review Challenge" dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pengurusan Kolej (JPK) Tok Gajah dan Jawatankuasa Pengurusan Kolej (JPK) Mat Kilau 1, UTM Cawangan Pahang.

Program ini melibatkan pelajar PRA Pendidikan Tinggi yang baru mendaftarkan diri di UTM Cawangan Pahang sekaligus PAB mengambil peluang ini untuk mengalakan semua pelajar meminjam dan membuat ulasan berkaitan buku yang dipinjam secara atas talian melalui social media PAB dan dapat memenangi hadiah yang disediakan jika terpilih sebagai pemenang.

Program yang diadakan di Kolej Tok Gajah & Kolej Mat Kilau 1 ini telah disertai oleh seramai 15 kumpulan siswa dan siswi bersempena minggu orientasi pelajar baru.



**BERITA BAIK!**

**STAF**

**BOOKS TO DOOR SERVICES**

Meminjam buku kini lebih mudah dengan klik pada <http://library.pahang.uitm.edu.my>

**@ BTDS TEAM**

Kami akan mengambil senarai buku yang anda pilih dan menghantarnya kepada anda. Sepantas kilat

Utang: @rosrshairi Perustakaan Al-Bukhari cawangan Pahang @http://library.pahang.uitm.edu.my

Pada 01 hingga 30 September 2020 Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah mengambil inisiatif dalam mempromosikan koleksi "Books Best Sellers at PAB" yang mana merupakan koleksi-koleksi buku yang menjadi tumpuan pengguna di seluruh Malaysia. Bagi bulan September terdapat 3 siri koleksi telah dikeluarkan iaitu dari siri 2 hingga siri 4 dan di promosikan melalui media sosial Perpustakaan Al-Bukhari serta secara persendirian melalui staf PAB.

Selain itu, koleksi "Books Best Seller at PAB" ini telah menjadi salah satu program bulanan yang mana semua staf PAB perlu mencari pengguna untuk program ini. Seramai 23 staf yang telah berjaya mendapatkan peminjam buku bagi program ini.

Warga UiTM boleh meminjam koleksi buku best seller yang ada di Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang dan penghantaran akan dibuat terus ke pintu pejabat peminjam dan peminjam boleh melayari pautan <http://bit.ly/BooksToDoorServices> ini untuk membuat pinjaman.



10 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG



Pada 10 September 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang dan kerjasama ILD UiTM Cawangan Pahang telah menganjurkan Bengkel Knowledge Management In Research & Teaching di Bilik IT 1 (Anggerik). Bengkel ini hanya melibatkan Pensyarah UiTM Kampus Jengka dan seramai 30 orang peserta menyertai bengkel tersebut. Bengkel ini menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran menggunakan "Knowledge Management Skill" kepada pensyarah yang terlibat.

Bengkel ini disampaikan oleh Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, PhD, Knowledge Management Strategist Consultant, practitioner, Facilitator, Speaker, Planner Founder and Main Consultant, GKM Consultancy Services Board Member, Librarians Association of Malaysia.



WAKAF 4.0 LIVE@PAB: WEBINAR 'KNOWLEDGE MANAGEMENT FOR LIBRARIANS'  
10 SEPTEMBER 2020

Pada 10 September 2020 (Khamis) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB: Webinar "Knowledge Management for Librarians" anjuran Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bual Bicara ini dibawah segmen webinar yang dikongsikan oleh panel jemputan secara atas talian menggunakan platform google meet.

Program ini telah dikendalikan oleh Puan Nurfarawahidah Bt. Badruesham, Pustakawan Kanan PAB sebagai moderator dan panel jemputan Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, PhD yang merupakan Knowledge management Strategist Consultant, practitioner, Facilitator, Speaker, Planner Foudner and Main Consultant, GKM Consultancy Services Board Member, Librarians Association of Malaysia. Jumlah peserta yang menyertai webinar ini seramai 63 orang Pustakawan UiTM.





03 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

 PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG  
Tempat : Unit Kepimpinan Pelajar (HEP), UTM Cawangan Pahang

Pada 03 September 2020 (Khamis) Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari, UTM Cawangan Pahang telah menjalankan Konsultansi Rekod dan Fail serta lawatan Penyelarasan Pengurusan Rekod UTM di Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal pelajar (HEP).

Antara perkara yang ditekankan ialah di mana membantu pihak PTJ membuat permohonan supaya penjagaan rekod awam terpelihara mengikut piawaian yang ditetapkan serta dapat melaksanakan pelupusan rekod dengan cara yang betul.

3 orang staf Perpustakaan Al-Bukhari yang terlibat dalam Konsultansi Rekod dan fail ini ialah Puan Norfitriah binti Mat Seman, Pustakawan Kanan, Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan. Manakala PTJ yang terlibat dari Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar seramai 2 orang iaitu Encik Sharul Izat, Kerani dan Encik Faizal Azrul Azwan bin Muhamed@Che Harun, Pensyarah Kanan.



## LAWATAN PENGARAH PEJABAT PENGURUSAN FASILITI DAN ICT (PPFI) KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 03 SEPTEMBER 2020



Pada 03 September 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari UTM Cawangan Pahang menerima lawatan daripada Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT (PPFI) UTM Cawangan Pahang iaitu YBrs. Encik Zulkifli Azamuddin.



YBrs. Encik Zulkifli Azamuddin merupakan Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT (PPFI) UTM Cawangan Pahang yang baru berpindah ke UTM Cawangan Pahang. Selain itu, lawatan adalah bertujuan bagi bersuaikenal dan berkaitan permasalahan di perpustakaan.



Seramai 4 orang staf dari Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT (PPFI) yang menyertai lawatan ini dan 4 orang staf dari Perpustakaan Al-Bukhari.



**PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI**  
Cawangan PAHANG  
Tempat : Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pada 10 September 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menyampaikan sumbangan pakaian terpakai kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) bersempena program Hari Pengumpulan Pakaian Terpakai yang dianjurkan oleh pihak UPM.

Semua sumbangan pakaian ini adalah hasil daripada sumbangan warga UiTM Cawangan Pahang yang terdiri dari pakaian wanita, pakaian lelaki, baju belia dan kanak-kanak serta tudung. Seramai 3 orang staf perpustakaan dan 1 orang pemandu telah menjadi wakil Perpustakaan Al-Bukhari dalam menyampaikan sumbangan tersebut.

Dengan usaha ini sedikit sebanyak diharapkan dapat membantu mereka yang memerlukan.



## KONSULTANSI PENGURUSAN FAIL/REKOD KENDIRI DI PEJABAT POLIS BANTUAN, Uitm CAWANGAN PAHANG 10 SEPTEMBER 2020

Pada 10 September 2020 (Khamis) Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah menjalankan Konsultansi Pengurusan Fail dan Rekod serta Lawatan Pengurusan Rekod di Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Pahang.

Konsultansi dan lawatan ini bertujuan memantau dan memberi tunjuk ajar kepada pihak PTJ yang membuat permohonan supaya penjagaan rekod awam terpelihara mengikut piawaian yang ditetapkan serta dapat melaksanakan pelupusan rekod dengan cara yang betul. PTJ yang terlibat di Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Pahang ialah Cik Puan Munirah binti Munir, Pengawal Keselamatan Kanan.


Pegawai Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari yang terlibat seramai 2 orang iaitu Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan.



29 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI  
Cawangan PAHANG  
STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE



Segmen : Bersama Pakar  
**ULAM PEGAGA BOLEH MENYEMBUHKAN PENYAKIT?  
MITOS ATAU FAKTA?**

29 SEPTEMBER 2020 (SELASA) 3.00 PETANG - 4.00 PETANG

LIVE @ PAB  
(<https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>)



Panel :  
Prof. Dr. Mohd Iham Adenan,  
Rector UTM Cawangan Pahang.

Moderator :  
Nurfarwahidah Badresham  
Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari,  
UTM Cawangan Pahang.

Ajukan : Perpustakaan Al-Bukhari

📍 libraryalbukhari 🐦 libutmpahang 🌐 fuitmpahang 🌐 <http://library.pahang.utm.edu.my>

Pada 10 September 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari UTM Cawangan Pahang dan kerjasama ILD UTM Cawangan Pahang telah menganjurkan Bengkel Knowledge Management In Research & Teaching di Bilik IT 1 (Anggerik). Bengkel ini hanya melibatkan Pensyarah UTM Kampus Jengka dan seramai 30 orang peserta menyertai bengkel tersebut. Bengkel ini menekankan aspek pengajaran dan pembelajaran menggunakan "Knowledge Management skill" kepada pensyarah yang menyertai.

Bengkel ini disampaikan oleh Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, PhD, Knowledge Management Strategist Consultant, practitioner, Facilitator, Speaker, Planner Founder and Main Consultant, GKM Consultancy Services Board Member, Librarians Association of Malaysia.





Penerbitan eInfo Discovery@Library Vol.5/2020 oleh Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu memaparkan maklumat berkenaan sejarah dan fakta Malaysia sempena Hari Malaysia 2020 yang disambut 16 September tempohari. Hasil kompilasi maklumat ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan tanah air kita. Untuk akses maklumat lanjut, sila Imbas kod QR pada poster. Semoga bermanfaat.

## AKTIVITI PELUPUSAN REKOD LAMA PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Setelah mendapat kelulusan oleh Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah melaksanakan aktiviti pelupusan bagi rekod-rekod lama mengikut prosedur yang telah dipersetujui dan ditetapkan. Sebanyak lebih tiga ribu folio rekod telah dilupuskan oleh Pembantu Pemuliharaan, dan diselia oleh En. Md. Kamil Ibrahim selaku Ketua Unit Arkib Cawangan Terengganu.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN  
Cawangan Terengganu

UTM  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

ONLINE DATABASE TRAINING  
**IEEEXPLORER  
ONLINE  
USER TRAINING**

OPEN TO ALL PASSPORTS  
UTM CAWANGAN TERENGGANU MEMBERS  
(LIMITED TO 50 PARTICIPANTS ONLY)

Date: 21 September 2020, Monday  
Time: 11.00 am - 11.30 am  
Spesialiti: Mr. Edward Kennedy Thevarakam (Senior IT Manager)

Webex Meeting

Meeting number (do not modify): 865 382 910  
Meeting password: 814646727 (19888674 from video system)

UTM



Satu kursus latihan secara atas talian telah dianjurkan oleh Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun dengan kerjasama salah satu pembekal pangkalan data atas talian iaitu IEEEXplore (Institute of Electrical and Electronics Engineers) pada 21 September 2020, Isnin yang lalu. Taklimat selama sejam ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh wakil pembekal iaitu Edward Kennedy Thevarakam, Pegawai IT Kanan, melalui platform WEBEX meeting di bawah seliaan En. Nik Lokman Nik Ismail, Ketua Unit Jurnal & Pangkalan Data.

SELAMAT HARI MALAYSIA - 16 SEPTEMBER 2020  
DARIPADA PERPUSTAKAAN UTM CAWANGAN TERENGGANU



library.utm.edu.my/



Profile: Perpustakaan Cendekiawan UTM Terengganu  
Page: puitm\_tgannu



puitm\_tgannu

infocus.blogspot.com/



Perpustakaan Cendekiawan



puitm\_tgannu

LIVE



Universiti  
Melayu  
Terengganu

STAY CONNECTED  
KAMPUS KUALA TERENGGANU

## PROGRAM SIARAN LANGSUNG BICARA BERSAMA PAKAR

30 September 2020 | Rabu | 10.00 Pagi

*Tajuk:*  
**Bicara@JAS**  
Pengurusan Buangan  
Elektrikal dan Elektronik(e-waste)



Penceramah

**PUAN SITI NOOR SHAZILLA BINTI ZAKI**  
Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu



\* Jam latihan akan diberikan kepada warga UTM

Atur oleh:  
Perpustakaan Cendekiawan UTMCT  
Kampus Kuala Terengganu

Host & moderator korporat: UTMCT  
Kampus Kuala Terengganu

Latihan Alam Sekitar  
Negeri Terengganu

BICARA BERSAMA PAKAR		
<p><b>Bahan Reseptor</b></p> <p>Perkembangan teknologi untuk pemantauan pada jarak jauh</p> <p><b>Latihan perisian</b></p> <p>Bahan Mula</p>	<p><b>Bangkai Sistem</b></p> <p>Panel dan LCD Controller</p> <p>Kit board Program Mikro</p> <p>Kit board</p> <p>Kit board</p> <p>Kit board</p>	<p>Mu tidak akan dengan baik (jika tidak) akan semestinya</p> <p>Perkembangan perisian yang digunakan menggunakan perisian asas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Gangguan sistem awal</li> <li>Salah faham</li> <li>Salah faham</li> <li>Salah faham</li> </ul> <p>Kelompok dan aturannya berkaitan dengan kecekapan dalam sistem ini kerana ia berkaitan dengan sistem yang digunakan</p> <p>Mudah berfikir dalam design dan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpastikan masalah yang berkaitan</li> <li>Mengenalpastikan masalah yang berkaitan</li> </ul>



Pada 30 September 2020, Rabu, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan satu program Live@PTAR Segmen Bersama Pakar dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Terengganu. Program bertajuk Bicara@JAS : Pengurusan Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) ini ialah dianjurkan oleh Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat UTM Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu. Ceramah berkenaan e-waste ini telah disampaikan dengan baik oleh Puan Siti Noor Shazilla Zaki, Penolong Pengarah Kanan JAS Negeri Terengganu. Program ini telah bersiaran langsung selama satu jam melalui medium Facebook dan siaran rakamannya dimuatnaik di Youtube Rasmi Perpustakaan Cendekiawan. Banyak isu berkenaan pembuangan sisa e-waste dikupas dan dikongsikan sebagai kesedaran kepada orang ramai untuk menjaga alam sekitar yang lebih sihat dan selamat.

The screenshot shows a Facebook Live broadcast interface. At the top, it displays the event title: "SEGMENT : LITERACY TALK WITH LIBRARIAN INTRODUCTION TO THOMSON REUTERS DATASTREAM EIKON". Below the title, two panelists are introduced: Panel 1, Ahmad Faiz Abdul Halim (Faculty of Business Administration), and Panel 2, Putra Faizurrahman Zahid (Faculty of Business Administration). A moderator, En Muslim Ismail Bahmad (Library Assistant), is also shown. The broadcast includes QR codes for Facebook and YouTube, along with the date and time: 20 September 2020 (Ahad), 9.00 pagi - 10.00 pagi. The event is open to everyone. The interface also shows engagement metrics like 'Like', 'Comment', and 'Share', and a video player control bar at the bottom.

*Pada 20 September telah berlangsung wacana perkongsian ilmu pengenalan Thomson Reuters Datastream Eikon telah disampaikan oleh dua orang pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, En Ahmad Faiz dan En Putra secara dalam talian. Rakaman wacana ini boleh dilihat di pautan.*


*Wacana ini telah disertai oleh 54 viewer dan mendapat sebanyak 463 views.*

*Rakaman wacana ini boleh dilihat di pautan  
<https://www.facebook.com/ptaultmkelantan/videos/1002632556918790/>  
Atau Imbas Kod QR Di Sebelah*



Sesi Penyampaian Hadiah kepada pemenang-pemenang Program Semarak Puisi Merdeka dalam talian 2020, dilaksanakan oleh Penaung KEKITA, Prof. Dato Dr. Jamil bin Haji Hamali semasa Mesyuarat Pengurusan Dalaman yang diadakan pada 30 September 2020. Program Semarak Puisi Merdeka merupakan program yang julung kali diadakan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan bagi memupuk dan menyemarakkan lagi semangat cintakan negara serta perpaduan dalam kalangan staf UITM Cawangan Sarawak. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Dalam program ini ramai staf Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Sarawak yang turut serta antaranya, Pn. Norhayati Binti Ismail Timbalan Ketua Pustakawan, En. Nur Afnan Ludin, Pembantu Pustakawan Kanan, En. Jamil Jawi, Pembantu Pustakawan Kanan, En. Mohammad Khairuddin Sulip, Pembantu Pustakawan dan Pn. Masanti Musino, Pembantu Pustakawan. Tahniyah kepada semua pemenang!!!

## LIBRARY OUTREACH; "PTAR FACULTY ATTACK" 9 SEPTEMBER 2020



Pada 9 September 2020, jam 9.00 pagi, Perpustakaan Tun Abdul Razak PTAR UITM Cawangan Sarawak, Unit Perkhidmatan Maklumat PTAR telah menganjurkan Program Faculty Attack dalam 2 siri, khusus untuk Ketua Pusat Pengajian dan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dalam sesi Library Outreach. Program ini merupakan salah satu inisiatif PTAR untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada warga UITM Sarawak, dan mewujudkan kesedaran literasi maklumat kepada pengguna perpustakaan. Program kali ini dijalankan secara atas talian menggunakan "Platform : Google Meet" berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Sesi perkongsian yang dibincangkan dalam siri pertama adalah perkhidmatan (Pembangunan Harta Intelek, Kandungan Tempatan dan Cadangan Pembelian Buku) manakala siri kedua @ modul 2 adalah Resources, Pangkalan Data Atas Talian, e-Book, Pengindeksan Artikel dan Endnote.





Pada 17 September 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsung Forum Live FB PTAR Sarawak yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM cawangan Sarawak. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Manakala, tajuk yang dipilih untuk dibincangkan adalah "Wanita dan Kenegaraan" bersesuaian dengan situasi semasa yang telah dikupas oleh, YBrs. Dr. Hajah Rashidah Haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak, Dr. Nadrawina Isnin, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi UiTM Cawangan Sarawak. Program ini dikendalikan oleh Puan Norhayati Binti Ismail Timbalan Ketua Pustakawan, UiTM Cawangan Sarawak selaku moderator.

Live FB PTAR Sarawak : Forum "Wanita dan Kenegaraan"

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/Like> and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

[https://www.instagram.com/ptar\\_sarawak/](https://www.instagram.com/ptar_sarawak/)

<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>

## FIQH PERUBATAN (PANDUAN UNTUK PESAKIT) SIRI - 2 8 SEPTEMBER 2020

Pada 8 September 2020, jam 10.00 pagi telah berlangsungnya Live FB PTAR Sarawak "Sesi perkongsian ilmu" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sarawak. Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara dengan perkongsian bertajuk "Fiqh Perubatan (Panduan Untuk Pesakit)", siri yang ke-2. Topik yang bersesuaian dengan situasi semasa ini telah disampaikan oleh Dr. Mohd. Kairol Jambli, Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2.

Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/Like> and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

[https://www.instagram.com/ptar\\_sarawak/](https://www.instagram.com/ptar_sarawak/)

<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>



Pada 22 September 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsung Live FB PTAR Sarawak "Outreach Webinar" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM). Program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Manakala, tajuk yang dipilih untuk dibincangkan adalah "Cabaran Pasca Covid-19: "Berhampar Lapik, Berlicin Daun" bersesuaian dengan situasi semasa yang disampaikan oleh, En. Fraziali Ismail Penolong Gabenor, BNM.

Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>  
Like and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

[https://www.instagram.com/ptar\\_sarawak/](https://www.instagram.com/ptar_sarawak/)

<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>



## PROGRAM SEMBANG 29 SEPTEMBER 2020

Pada 29 September 2020, jam 2:30 petang telah berlangsung Live FB PTAR Sarawak "Program Sembang" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Jawatankuasa The Blue Ribbon Campaign UiTM Cawangan Sarawak. Bagaimanapun, program kali ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda negara. Manakala, tajuk yang dipilih untuk dibincangkan adalah "The Blue Ribbon Campaign 2020" bersesuaian dengan situasi telah dikupas oleh, Dr. Mohd. Kairol Jambli, Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2, Penolong Pegawai Farmasi, Kazanah Binti Sepawi, Helmee bin Mustafa, Penolong Pegawai Perubatan, dan dikendalikan oleh Nurhazwani binti Arifin, Jururawat, UiTM Cawangan Sarawak selaku moderator.

Live FB PTAR Sarawak :

<https://www.facebook.com/library.uitm.sarawak/live/>  
Like and follow us

<https://twitter.com/libuitmsarawak>

[https://www.instagram.com/ptar\\_sarawak/](https://www.instagram.com/ptar_sarawak/)

<https://www.youtube.com/c/ptartvsarawak/>

<http://library.sarawak.uitm.edu.my/v1/>





Program "LET'S ZUMBA @PTAR" telah berjaya diadakan pada 2 September 2020. Para peserta terdiri dari warga kampus yang berkumpul di Pusat Pelajar Kampus Samarahan pada jam 2.30 petang merupakan satu program senaman berunsur daripada pelbagai tarian dan senaman aerobik yang menggunakan muzik berentak samba, hip hop, salsa dan mambo. Selain itu, program ini juga akan memberi manfaat kepada orang ramai untuk mengamalkan gaya hidup sihat supaya dapat menjaga kesihatan diri dari segi fizikal dan mental. Malah, program ini juga akan memberikan orang ramai untuk merasa lebih bermotivasi untuk kekal aktif dan dapat meningkatkan rasa semangat lebih tinggi dalam diri. Di samping itu, program senaman ini sangat berfokuskan kepada gaya hidup sihat dan mampu melahirkan orang ramai seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan sosial. Objektif utama aktiviti adalah untuk mengeratkan hubungan yang baik antara warga UiTM Cawangan Sarawak dan memupuk kesedaran serta minat orang ramai terhadap gaya hidup sihat untuk aktiviti bersukan.

## PROGRAM KESIHATAN 14 DAYS CHALLENGE 25 SEPTEMBER 2020



Unit Kesihatan dan Unit Sukan UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan program kesihatan 14 Days Challenge bagi membantu kakitangannya menjaga kesihatan dengan cara betul bagi menurunkan berat badan ke tahap yang seimbang. Program berkenaan bertujuan menggalakkan kakitangan mengamalkan gaya hidup sihat. Seramai 45 peserta daripada staf UiTM Cawangan Sarawak yang mempunyai Indeks Jisim Tubuh (BMI) 25 ke atas menyertai program ini yang bermula pada 11 September 2020. Cabaran itu mesti dilakukan dalam tempoh 14 hari iaitu daripada 11 sehingga 25 September 2020. Syabas kepada staf Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak yang turut serta dan kepada pemenang antaranya En. Zaini Ahmad Pembantu Pustakawan Kanan mendapat tempat ke -2 dan kepada Pn. Nur Afiqah Abdullah, Pustakawan Kanan mendapat hadiah sahuhati dari pihak penganjur.

Disediakan oleh : Hapsah Suut



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
Cawangan Sarawak



En. Nur Afnan bin Ludin



Puan Zuraida binti Karim

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak ingin mengucapkan syabas & tahniah atas kenaikan pangkat ke gred S22 Jawatan Pembantu Pustakawan Kanan kepada En. Nur Afnan bin Ludin dan Pn. Zuraida binti Karim. Semoga dengan kenaikan pangkat ini akan memacu kecemerlangan atas usaha yg lebih efektif dan dinamik.

## E-SPORTS @ PTAR: PUBG MOBILE 23-24 SEPTEMBER 2020



### e-Sports @ PTAR: PUBG Mobile!!!

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini PTAR UiTM Cawangan Sarawak cuba sebaik mungkin untuk menyediakan perkhidmatan dan aktiviti dengan pelanggan perpustakaan. PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan E-sport Tournament "e-Sports @ PTAR: PUBG Mobile" pada 23 dan 24 September dengan hadiahnya yang lumayan. PTAR Gaming@Home Challenge ini terbuka hanya kepada pelajar UiTM Cawangan Sarawak sahaja dengan penyertaan terhad. Pihak PTAR ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan penyertaan daripada semua peserta. Tahniah kepada semua kerana berjaya kekal duduk di rumah / asrama. Stay@home, jaga kesihatan dan kebersihan.